



7

Kementerian Kerja Raya

- **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**
 - Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan

PENGURUSAN PROGRAM MEMPERKASAKAN KAPASITI, KEMAMPUAN DAN DAYA SAING INDUSTRI PEMBINAAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA



RUMUSAN AUDIT

"Prestasi output & keberhasilan program **belum tercapai** sepenuhnya. Pengurusan program kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan terhadap pengurusan peralatan latihan, syarat tajaan, pemantauan & penguatkuasaan yang boleh ditambah baik".

PENCAPAIAN OUTPUT

1. Pembangunan Kontraktor & Usahawan Binaan			
Program	Tahun		
	2016-2020	2021	2022
Kontraktor Pengurusan Fasiliti (FM)	✗ 67.2%	✗ 95%	✓
Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (CCD) - Pembaharuan PPK (30,000-50,000)	✗ <30,000	✓	✗ <30,000
SCORE	✓	✓	✓

Nota: Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)

Penilaian Keupayaan & Kemampuan Kontraktor (SCORE)

2. Kompetensi Tenaga Kerja							
Program	Tahun						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Program Penyeliaan, Pengurusan, Keselamatan & Kesihatan	✓ Tercapai ✗ 69.5% ✓						
Latihan & Penilaian Kemahiran Kemahiran Personel Binaan	✓	✗ Tidak Tercapai 43.8% - 98.9%					✓
Latihan untuk SHO & SSS						✓	✓

Nota: Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO)

Pegawai Keselamatan Tapak (SSS)

3. Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global	
Misi promosi antarabangsa, profil negara, sesi jalinan & direktori syarikat	
✓	2016 – 2019
✗	2020: Digugurkan pandemik COVID-19 (Misi promosi & sesi jalinan)
✓	2021 – 2022

Nota: Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)

Penilaian Keupayaan & Kemampuan Kontraktor (SCORE)

Nota: Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO)

Pegawai Keselamatan Tapak (SSS)

1. Kontraktor

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

2. Personel Binaan

- ❑ **Kontraktor FM:** 692 (**45.2%**) aktif berdaftar (2022)
- ❑ **Personel FM:** 129 (**47.8%**) ditauliah (2022)
- ❑ **CCD:** CIDB **tidak menetapkan** indikator pencapaian program
- ❑ **SCORE:** 6,483 (**5.2%**) kontraktor diberi penarafan & 33 (**0.03%**) kontraktor SCORE 5 Bintang (2022)
- ❑ **Program Coaching:** 76 (**6.1%**) kontraktor **↑** SCORE (2021)
- ❑ **EPU:** **45%** punca utama kelewatan projek - kontraktor (2020)

3. Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global

- ❑ CIDB **tidak menetapkan** indikator pencapaian program
- ❑ Laporan Perancangan & Pelaksanaan Program **tidak disediakan**

- ❑ **Pekerja asing** **↑ 76.9%:** 95,777 (2017) kepada 169,426 (2022)
- ❑ **Personel binaan mahir tempatan** **↓ 7.9%:** 208,088 (2017) kepada 191,590 (2022)
- ❑ **42.9%** peserta program **berdaftar & aktif** (2022)
- ❑ **25.6%** mencarum dengan **PERKESO** & bekerja dalam industri pembinaan (2023); median pendapatan bulanan RM2,973
- ❑ **81.4%** responden **soal selidik** bekerja dalam industri pembinaan; median pendapatan bulanan RM2,742
- ❑ **67.8%** peserta program **Belia** bekerja dalam industri pembinaan – **Tracer Study** CIDB Holdings (2016-2022)

PENGURUSAN PROGRAM

Peruntukan & Perbelanjaan

- ❑ Program Latihan **2018 - 2022**
- ❑ Peruntukan **RM165.53 juta**
- ❑ Perbelanjaan **RM159.60 juta**

Pelanggaran Syarat Tajaan Program

- ❑ **53 peserta** program latihan **tidak layak** menerima **tajaan yuran sejumlah RM52,985.50** (2017 - 2020)
- ❑ ABM Wilayah Selatan & Wilayah Sabah

Peralatan Latihan

- ❑ **Pembaziran peralatan kelengkapan latihan sejumlah RM922,350 kerana tidak digunakan** sejak penerimaan pada bulan Oktober 2018

Pemantauan Peringkat KKR

- ❑ **Kajian keberhasilan program tidak dilaksanakan**
- ❑ **Ketiadaan mekanisme** pemantauan & pengukuran prestasi program

Penguatkuasaan Terhadap Personel Binaan

- ❑ **Penguatkuasaan** - skop personel binaan adalah rendah (**6.9%**)
- ❑ **Sasaran Akreditasi** peserta Program **PKK CIDB negeri Johor, Selangor & Sabah tidak tercapai** (2021 & 2022)
- ❑ **Lawatan tapak binaan:** **75.8% - 90.3%** **personel binaan tidak mendaftar**

3
SYOR
AUDIT

KEMENTERIAN KERJA RAYA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

PENGURUSAN PROGRAM MEMPERKASAKAN KAPASITI, KEBOLEHAN DAN DAYA SAING INDUSTRI PEMBINAAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Dasar Pembinaan Negara (DPN) 2030 menyatakan Sektor pembinaan sering dikaitkan dengan neologisme Asia 4D iaitu Kotor (Dirty), Berbahaya (Dangerous), Sukar (Difficult) dan Merendahkan Maruah (Demeaning). Sektor pembinaan di Malaysia perlu berganjak daripada persepsi lapuk ini kepada sektor atau bidang 1D iaitu Dihormati (Dignified) yang lebih diminati dan bermaruah.
- Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan (MKKD) adalah di bawah Teras Strategik 4, Pelan Strategik Organisasi (PSO) Kementerian Kerja Raya (KKR) 2016-2020 dan diteruskan di bawah Teras Strategik 3, PSO KKR 2021-2025.
- Strategi dan pelan tindakan Program MKKD adalah untuk peningkatan kepakaran tenaga pelatih bagi melahirkan lebih ramai personel industri pembinaan tempatan dan kontraktor bagi mengurangkan kebergantungan tenaga pekerja asing dalam industri pembinaan negara.
- Agensi pelaksana Program MKKD ialah KKR, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), CIDB Holdings Sdn. Bhd. (CIDBH), Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Syarikat 284731-P.
- Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan program meliputi peruntukan dan perbelanjaan, peralatan latihan, pelanggaran syarat tajaan program, pemantauan peringkat KKR dan penguatkuasaan terhadap personel binaan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai sama ada pengurusan Program MKKD diuruskan dengan cekap, berkesan dan berhemat bagi mencapai objektif iaitu meningkatkan kapasiti dan kebolehan kontraktor serta menambah bilangan kontraktor yang berprofil tinggi dalam industri pembinaan;

meningkatkan tahap kemahiran dan bilangan personel binaan industri pembinaan tempatan yang bertauliah; dan meningkatkan daya saing industri pembinaan negara di peringkat global.

Rumusan

Secara keseluruhannya, prestasi output dan keberhasilan program belum tercapai sepenuhnya bagi Program Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan; Kompetensi Tenaga Kerja dalam Industri Pembinaan serta Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global. Selain itu, pengurusan program kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan terhadap pengurusan peralatan latihan, syarat tajaan, pemantauan dan penguatkuasaan yang boleh ditambah baik.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Program Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan - Hanya seramai 692 kontraktor (45.2%) berdaftar sebagai Kontraktor Fasiliti bagi tahun 2022 berbanding seramai 1,530 peserta yang menghadiri Program FM. - Hanya 33 (0.03%) kontraktor mencapai SCORE 5 bintang berbanding seramai 121,036 kontraktor berdaftar pada tahun 2020. - Hanya seramai 76 (6.1%) daripada 1,256 kontraktor menunjukkan peningkatan penarafan SCORE selepas menghadiri Program Coaching. - Pencapaian keseluruhan bagi Program SCORE adalah rendah kerana bilangan kontraktor yang diberi penarafan bintang hanya sebanyak 5.2% berbanding kontraktor berdaftar seramai 124,015 sehingga tahun 2022.	Bilangan kontraktor yang berprofil tinggi dalam industri pembinaan masih rendah serta kurang berdaya saing di dalam dan luar negara.	Menyediakan pendekatan lebih berkesan dengan menilai dan mengkaji strategi meningkatkan kapasiti dan kebolehan kontraktor terutamanya penarafan SCORE supaya penghasilan kontraktor berkualiti dan berdaya saing dalam dan luar negara.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
2.	Kompetensi Tenaga Kerja dalam Industri Pembinaan - Peningkatan seramai 73,649 (76.9%) pekerja asing daripada seramai 95,777 personel pada tahun 2017 kepada 169,426 personel pada tahun 2022. - Seramai 83,058 (57.1%) peserta berstatus tidak aktif pendaftaran personel binaan di dalam industri pembinaan pada tahun 2022. - Daripada 72,787 (52.2%) peserta telah mencarum PERKESO, hanya 18,618 (25.6%) peserta berada dalam industri pembinaan. - Median pendapatan dalam industri pembinaan adalah RM2,973. - Seramai 14,784 (67.8%) graduan tamat latihan belia telah berada dalam sektor pembinaan. - Seramai 281 (81.4%) daripada 345 responden bekerja dalam industri pembinaan.	Bilangan peserta bertauliah bekerja dalam industri masih rendah menyebabkan kebergantungan tenaga pekerja asing dalam industri pembinaan masih tinggi.	Menilai dan mengkaji strategi untuk meningkatkan kompetensi personel binaan tempatan melalui akreditasi dengan mengambil kira peningkatan tahap kemahiran, kebolehpasaran dan kehendak industri supaya pendapatan adalah munasabah, seterusnya personel yang dilatih kekal dalam industri pembinaan.
3.	Pengurusan Program - Peralatan kelengkapan latihan iaitu ACMV Industrial - Plumbing dan Deducing berjumlah RM922,350 tidak digunakan sejak penerimaan pada bulan Oktober 2018. - 53 peserta bagi Program Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Belia dan Personel Binaan di ABM Wilayah Selatan dan ABM Wilayah Sabah berumur antara 46 hingga 66 tahun yang tidak layak menerima tajaan sejumlah RM52,985.50.	Pembaziran dan merugikan Kerajaan berjumlah RM922,350. Pembayaran tidak teratur bagi tuntutan tajaan tidak layak menyebabkan ketirisan sejumlah RM52,985.50.	Penambahbaikan mekanisme pemantauan, penguatkuasaan, pelaporan data kontraktor/personel binaan dan penilaian keberhasilan program agar dapat mencapai matlamat yang disasarkan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
	- Pihak KKR dan agensi tidak menggunakan sebarang sistem untuk pemantauan program sejak tahun 2017.	Objektif program yang disasarkan tidak diukur.	
	- Penguatkuasaan yang rendah terhadap skop personel binaan iaitu sebanyak 6.9%.	Bilangan personel binaan berdaftar dan ditauliahkan masih rendah.	

KEMENTERIAN KERJA RAYA

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

1. PENGURUSAN PROGRAM MEMPERKASAKAN KAPASITI, KEBOLEHAN DAN DAYA SAING INDUSTRI PEMBINAAN

FAKTA UTAMA MAKLUMAT INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

TAHUN 2022

Personel Binaan Tempatan Berdaftar 674,020 pekerja (79.9%)	Personel Binaan Asing Berdaftar 169,426 pekerja (20.1%)
Personel Binaan Tempatan Mahir Berdaftar 191,590 pekerja*	Personel Binaan Asing Mahir Berdaftar 8,627 pekerja*
Kontraktor Berdaftar 124,015 kontraktor	Bilangan/Nilai Projek 11,158/RM128.2 bilion

Nota: (*) - Pekerja Mahir, Penyelia Tapak dan Pengurus Projek

Objektif Program	• Meningkatkan kapasiti dan kebolehan kontraktor serta menambah bilangan kontraktor yang berprofil tinggi dalam industri pembinaan negara serta meningkatkan bilangan Kontraktor Pengurusan Fasilitas; • Meningkatkan tahap kemahiran dan bilangan personel industri pembinaan tempatan yang bertauliah bagi memenuhi keperluan pelaksanaan program latihan dalam penyeliaan, pengurusan, penilaian dan pentauliahan kemahiran; dan • Meningkatkan daya saing industri pembinaan negara di peringkat global.
-------------------------	--

1. LATAR BELAKANG

1.1. Dasar Pembinaan Negara (DPN) 2030 menyatakan sektor pembinaan sering dikaitkan dengan neologisme Asia 4D iaitu Kotor (Dirty), Berbahaya (Dangerous), Sukar (Difficult) dan Merendahkan Maruah (Demeaning). Sektor pembinaan di Malaysia perlu berganjak daripada persepsi lapuk ini kepada sektor atau bidang 1D iaitu Dihormati (Dignified) yang lebih diminati dan bermaruah.

1.2. DPN 2030 menyatakan penerapan dan pelaksanaan kaedah baharu dalam menjalankan perniagaan perlu dilaksanakan bagi membolehkan sektor pembinaan kekal relevan di pasaran domestik serta kompetitif di pasaran global. Teras 3 Dasar iaitu Meningkatkan Produktiviti Pembinaan yang menyokong Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan (MKKD) adalah meningkatkan kemahiran dan melatih semula tenaga kerja dalam sektor pembinaan Malaysia dan menambahkan bilangan pekerja mahir bertauliah.

1.3. Kementerian Kerja Raya (KKR) adalah agensi utama Kerajaan bertanggungjawab mengkaji, merancang, menilai dan menggubal dasar baharu untuk industri pembinaan (infrastruktur dan bangunan) selaras dengan pembangunan negara. KKR telah merangka Pelan Strategik Organisasi (PSO) sebagai garis panduan hala tuju KKR dalam kesinambungan agenda pembangunan Rancangan Malaysia. PSO KKR adalah satu

mekanisme yang digunakan untuk pemantauan perancangan, pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur serta kompetensi kontraktor dan personel binaan secara konsisten dan efisien. PSO KKR juga memberi fokus kepada sumbangan industri pembinaan dalam pemulihan semula ekonomi Malaysia. Seterusnya, memberikan tumpuan terhadap memperkukuhkan pembangunan infrastruktur, memperluas penggunaan teknologi digital dalam pembangunan dan penyenggaraan, memperkasakan kapasiti, kebolehan dan daya saing sektor pembinaan serta memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.


1.4. Program MKKD adalah di bawah Teras Strategik 4, PSO KKR 2016-2020 dan diteruskan di bawah Teras Strategik 3, PSO KKR 2021-2025. Teras strategik adalah seperti dalam **Rajah 1**.



Sumber: PSO KKR 2016-2020 dan 2021-2025

1.5. Strategi dan pelan tindakan Program MKKD adalah untuk peningkatan kepakaran tenaga pelatih bagi melahirkan lebih ramai personel industri pembinaan tempatan dan kontraktor bagi mengurangkan kebergantungan tenaga pekerja asing dalam industri pembinaan negara. Strategi dan pelan tindakan Program MKKD adalah seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2 STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN BERKAITAN PROGRAM MKKD



Sumber: PSO KKR 2016-2020

1.6. Agensi pelaksana bagi program MKKD melibatkan KKR, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), CIDB Holdings Sdn. Bhd. (CIDBH), Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Syarikat 284731-P adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
AGENSI PELAKSANA PROGRAM MKKD**

AGENSI	FUNGSI	PERANAN BERKAITAN PROGRAM
KKR	Mengkaji, merancang, menilai dan menggubal dasar-dasar baharu untuk industri pembinaan (infrastruktur dan bangunan).	Pemantau dan urus setia PSO KKR
CIDB	Mengawal selia, membangun dan memudahkan industri pembinaan menuju ke arah mencapai daya saing global.	Mendaftar, mengakreditasi kontraktor dan personel binaan, membangunkan profil negara serta menjalankan misi promosi global.
CIDBH	Fungsi adalah untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti industri pembinaan Malaysia.	Penyelaras dan pengurus pelaksanaan program Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Belia dan Personel Binaan di ABM dan Syarikat 284731-P.
ABM	Sebuah pusat penilaian dan latihan CIDB, menumpukan kepada pembinaan kapasiti terutamanya latihan kemahiran.	Pusat penilaian dan latihan kompetensi kemahiran pembinaan yang ditubuhkan dan ditauliahkan oleh CIDB untuk melatih dan menilai kemahiran pekerja mahir industri pembinaan.
Syarikat 284731-P	Pusat penilaian dan latihan CIDB untuk kimpalan, pembagasan dan pengecatan (BPO) serta <i>Non destructive testing</i> (NDT).	

Sumber: KKR, CIDB, CIDBH, ABM dan Syarikat 284731-P

1.7. Sehingga tahun 2022, seramai 843,446 personel binaan telah berdaftar dengan CIDB bagi kategori pekerja am, pekerja mahir, penyelia tapak, pengurus projek, pentadbiran dan pelatih. Kontraktor berdaftar melibatkan gred G1 hingga G7 adalah seramai 124,015 kontraktor sehingga tahun 2022. Butiran lanjut bilangan personel binaan dan kontraktor yang berdaftar adalah seperti dalam **Jadual 2** dan **Jadual 3**.

JADUAL 2
BILANGAN PERSONEL BINAAN YANG BERDAFTAR MENGIKUT KATEGORI
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022

KATEGORI	BILANGAN PERSONEL BINAAN/TAHUN						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pekerja Am	452,054	370,703	483,383	543,409	483,888	413,760	491,974
Pekerja Mahir	94,714	66,024	73,078	77,116	75,525	91,229	87,594
Penyelia Tapak	118,145	78,334	17,332	14,634	8,641	6,841	6,668
Pengurus Projek	59,698	67,963	97,046	109,030	107,902	106,717	105,955
Pentadbiran	42,952	23,232	99,709	132,527	130,766	134,568	136,801
Pelatih	97,481	95,405	80,206	59,937	11,688	16,236	14,454
JUMLAH	865,044	701,661	850,754	936,653	818,410	769,351	843,446

Sumber: CIDB

JADUAL 3
BILANGAN KONTRAKTOR BERDAFTAR MENGIKUT GRED
BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2022

GRED KONTRAKTOR	BILANGAN KONTRAKTOR/TAHUN						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
G1	35,149	35,347	36,604	42,173	56,866	65,540	63,518
G2	16,253	17,402	22,128	24,148	24,366	24,154	21,623
G3	10,628	12,510	15,415	16,406	17,206	18,539	16,313
G4	3,896	4,112	4,759	5,031	5,282	5,426	5,184
G5	5,101	5,455	6,073	6,220	6,370	6,713	6,597
G6	1,703	1,803	2,018	2,128	2,105	2,010	1,890
G7	7,084	7,402	9,000	8,752	8,841	8,739	8,890
JUMLAH	79,814	84,031	95,997	104,858	121,036	131,121	124,015

Sumber: Data 2016-2021 (Laporan Tahunan CIDB 2016-2021) dan Data 2022 (Bahagian Pendaftaran Kontraktor)

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program MKKD diuruskan dengan cekap, berkesan dan berhemat bagi mencapai objektif:

- 2.1. Meningkatkan kapasiti dan kebolehan kontraktor serta menambah bilangan kontraktor yang berprofil tinggi dalam industri pembinaan;
- 2.2. Meningkatkan tahap kemahiran dan bilangan personel binaan industri pembinaan tempatan yang bertauliah; dan
- 2.3. Meningkatkan daya saing industri pembinaan negara di peringkat global.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan program meliputi peruntukan dan perbelanjaan, peralatan latihan, pelanggaran syarat tajaan program, pemantauan peringkat KKR dan penguatkuasaan terhadap personel binaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SKOP PENGAUDITAN

AGENCI/BAHAGIAN TERLIBAT	PRESTASI PROGRAM		PENGURUSAN PROGRAM
	PENCAPAIAN OUTPUT	PENCAPAIAN KEBERHASILAN	
Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan			i. Peruntukan dan Perbelanjaan ii. Peralatan Latihan iii. Pelanggaran Syarat Tajaan Program iv. Pemantauan Peringkat KKR v. Penguatkuasaan Terhadap Personel Binaan
- Bahagian Pembangunan Kontraktor (BPK) CIDB - Bahagian Pendaftaran Kontraktor, CIDB	a. Kontraktor Pengurusan Fasiliti (FM) b. Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (CCD) c. Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE)	a. Pendaftaran Kontraktor dan Pentauliahan Personel FM b. Program CCD c. Program SCORE d. Program Coaching	
Kompetensi Tenaga Kerja Dalam Industri Pembinaan			
- Bahagian Penilaian dan Pensijilan (BPP) CIDB - Bahagian Keselamatan dan Kesihatan, Alam Sekitar dan Kualiti (SHEQ), CIDB - ABM & Syarikat 284731-P.	Melahirkan Personel Binaan menerusi program latihan, penilaian dan pentauliahan - Program Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) - Program Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK) - Program Penyeliaan dan Pengurusan (PP) - Program Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) dan Pegawai Keselamatan Tapak (SSS)	a. Personel Binaan Tempatan dan Asing b. Personel Binaan Berdaftar c. Pendaftaran Personel Binaan bagi Peserta Program d. Peserta Program Latihan di Industri Pembinaan – Data PERKESO e. Tracer Study Program LKK Belia oleh CIDBH f. Kajian Soal Selidik Terhadap Program LKK, PKK dan PP oleh JAN	
Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global			
Bahagian Bisnes, CIDB	Menjalankan misi promosi global, profil negara, sesi jalinan, direktori	Projek yang dilaksanakan kontraktor Malaysia di luar negara	

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Pengauditan dijalankan di Bahagian Dasar dan Antarabangsa (BDA), KKR; CIDB dan syarikat CIDBH termasuk subsidiari iaitu ABM dan Syarikat 284731-P. Pengauditan turut melibatkan pengumpulan data dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta Kementerian Ekonomi.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan dengan pengurusan Program MKKD. Analisis turut dibuat terhadap data kontraktor dan personel binaan daripada Sistem Maklumat Bersepadu (SMB) dan *Centralized Information Management System* (CIMS) yang digunakan oleh CIDB, serta data caruman PERKESO. Lawatan fizikal dilaksanakan pada bulan Februari hingga Jun 2023 melibatkan empat ABM serta empat Syarikat 284731-P di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Kedah dan Sabah. Dua lawatan pemeriksaan bersama Bahagian Penguatkuasaan CIDB Negeri Sabah dan Selangor telah dijalankan bagi menilai aspek skop penguatkuasaan berkaitan program. Selain itu, temu bual juga diadakan dengan pegawai terlibat.

4.2. Soal selidik diedarkan kepada peserta program latihan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan keberkesanan program dan kebolehpasaran serta peningkatan kerjaya selepas peserta menamatkan latihan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan dari bulan Januari hingga Jun 2023. Penemuan Audit serta maklum balas yang diterima telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 8 September 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output program dinilai berdasarkan pelan tindakan kepada teras strategik iaitu Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan seperti yang digariskan dalam PSO KKR bagi tempoh 2016 hingga 2020 dan 2021 hingga 2025. PSO KKR tersebut telah menggariskan strategi dan pelan tindakan yang mampu meningkatkan produktiviti pembinaan iaitu pembangunan kontraktor dan usahawan binaan; kompetensi tenaga kerja dalam industri pembinaan; serta daya saing industri pembinaan di peringkat global.

5.1.1.1. Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan

Berdasarkan PSO KKR 2016-2020, strategi ini bertujuan untuk membangunkan kapasiti dan kepakaran dalam aspek pengurusan pembinaan bagi bidang-bidang pembinaan berimpak tinggi dan kurang diceburi oleh kebanyakan kontraktor. Mengikut Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2022, KKR menetapkan pelan tindakan dan sasaran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PELAN TINDAKAN DAN SASARAN PROGRAM PEMBANGUNAN
KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BINAAN

PELAN TINDAKAN	PSO KKR 2016-2020		PSO KKR 2021-2025
	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	SASARAN
Kontraktor Pengurusan Fasilitas (FM)	Bilangan kontraktor Pengurusan Fasilitas dilatih	900 kontraktor dilatih menjelang tahun 2020	Tahun 2021: 100 kontraktor Tahun 2022-2025: 150 kontraktor setiap tahun
Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (CCD)	Bilangan kontraktor tempatan dilatih	7,500 kontraktor dilatih setiap tahun sehingga 2020	7,500 peserta setiap tahun
Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) dan Program Coaching untuk penilaian SCORE	Bilangan kontraktor tempatan dilatih	10 kontraktor mencapai 5 Bintang menjelang 2020	200 kontraktor setiap tahun


Sumber: Laporan dan Kamus Pelan Tindakan PSO 2016-2025

a. Kontraktor Pengurusan Fasilitas (FM)

- i. Berdasarkan Keperluan Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan Manual Pengguna, Kontraktor Pengurusan Fasilitas (FM) adalah kontraktor yang berdaftar di bawah kategori Fasilitas (F). Bagi syarikat yang mempunyai kategori F dalam pendaftaran syarikatnya, semasa sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) diperbaharui buat kali pertama selepas kategori F diperolehi, salah seorang pengarah wajib hadir dan lulus Kursus Pengurusan Fasilitas (Kursus FM) dan memperolehi Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP).
- ii. Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2022 menetapkan sasaran untuk melatih 900 kontraktor FM menjelang tahun 2020 serta melatih 150 kontraktor setahun bagi tahun 2021 dan 2022. Bagaimanapun, sasaran kontraktor dilatih dikurangkan kepada 100 kontraktor bagi tahun 2021 disebabkan oleh pandemik Covid-19.
- iii. Berdasarkan Laporan Pencapaian PSO KKR 2016 - 2022, pencapaian output bagi pelan tindakan ini telah tercapai bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 iaitu seramai 923 peserta, 175 peserta bagi tahun 2021 dan 432 peserta bagi tahun 2022.
- iv. Berdasarkan pengiraan Audit, **sasaran tidak tercapai kerana bilangan kontraktor FM yang dilatih hanya 605 (67.2%) kontraktor menjelang tahun 2020 dan 95 (95%) kontraktor bagi tahun 2021.** Bagi tahun 2022, sasaran tercapai iaitu seramai 322 (214.7%) kontraktor dilatih. Sasaran bagi tahun 2020 dan 2021 tidak

tercapai disebabkan pencapaian yang dilaporkan adalah berdasarkan bilangan peserta yang hadir untuk Kursus FM.

- v. Analisis lanjut mendapati, **Laporan Pencapaian PSO KKR yang disediakan oleh CIDB adalah termasuk kontraktor FM yang tidak layak iaitu 145 peserta gagal atau tidak hadir kursus** melibatkan 33 peserta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, 58 peserta bagi tahun 2021 dan 54 peserta bagi tahun 2022. Butiran lanjut mengenai sasaran dan pencapaian Kursus FM adalah seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: Bahagian Pendaftaran Kontraktor CIDB dan CIMS

Maklum balas CIDB yang diterima pada 24 Julai dan 9 Ogos 2023

Pencapaian yang dilaporkan adalah berdasarkan penyertaan setiap peserta yang telah menghadiri kursus. CIDB akan menyemak semula dan meminda indikator sasaran yang lebih sesuai bagi memenuhi objektif sasaran di dalam Kamus Pelan Tindakan PSO KKR. Pindaan kamus tersebut akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada bulan November 2023.

Pendapat Audit | **Bilangan kontraktor FM yang dilatih lebih rendah daripada sasaran ditetapkan bagi tempoh 2016 hingga 2021. Namun, pencapaian adalah 214.7% daripada sasaran bagi tahun 2022.**

**b. Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan
(Contractor Continuous Development - CCD)**

- i. Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (Contractor Continuous Development - CCD) diperkenalkan pada tahun 2008 kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kontraktor secara berterusan. Program CCD memperkenalkan pungutan mata CCD bagi setiap penyertaan kontraktor dalam program atau aktiviti yang dianjurkan oleh CIDB atau penganjur yang berdaftar dengan CIDB.
- ii. Merujuk Pekeliling Bil. 2/2008 BPK sebanyak lapan program telah ditetapkan bagi penentuan skema mata CCD. Program CCD yang dilaksanakan akan diberi mata CCD antara lima hingga 40 mata berdasarkan jenis program, tempoh penglibatan, aktiviti persatuan, penerbitan dan lain-lain yang ditetapkan oleh CIDB. Butiran lanjut mengenai skema mata CCD adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SKEMA MATA CCD BAGI TAHUN 2020


BIL.	PROGRAM CCD	MATA CCD
1.	Konvensyen, Forum, Seminar, Bengkel, Syarahan, Lawatan teknikal, Kursus, Latihan	5 hingga 40
2.	Terlibat di dalam Program-program Pembangunan CIDB	5 hingga 20
3.	Persembahan ucap-tama, kertas kerja dan sebagainya	10 hingga 15
4.	Berkhidmat kepada Profesion	5 hingga 10
5.	Penerbitan buku atau artikel / Penerbitan artikel di dalam jurnal, majalah atau akhbar yang berkaitan dengan profesion	10 hingga 20
6.	Sumbangan kepada aktiviti persatuan berkaitan pembinaan	5
7.	Lain-lain seperti anugerah dan pengiktirafan Persijilan oleh badan/ institusi yang diiktiraf oleh CIDB, Persijilan ISO yang berkaitan dengan industri pembinaan, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Latihan Praktikal/Industri	10 hingga 40
8.	Keahlian Contractor4u	10

Sumber: Pekeliling Bil. 2/2008 BPK dan Skema Mata CCD tahun 2020, CIDB

- iii. Berdasarkan Kamus Pelan Tindakan PSO KKR, program ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada kontraktor yang menyertai Program CCD melalui penganugerahan mata CCD dan setiap aktiviti yang disertai memberi nilai tambah untuk kemajuan sesebuah syarikat kontraktor. Merujuk Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2022, pencapaian output bagi program ini diukur berdasarkan sasaran seramai 7,500 peserta dilatih setiap tahun.

- iv. Pencapaian bagi program ini telah tercapai bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 **antara 151.6% hingga 664.3% berbanding sasaran seramai 7,500 peserta setahun.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2.**

CARTA 2
SASARAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM CCD BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2022



Sumber: Laporan pencapaian PSO KKR 2016-2022

- v. Semakan Audit **mendapati wujud perbezaan antara data bilangan peserta pencapaian di Laporan Pencapaian PSO KKR dan data peserta program CCD yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor (BPK) bagi tahun 2021 dan 2022.** Bagaimanapun, data bagi tahun 2016 hingga 2020 tidak disediakan kerana SMB tidak menyimpan data peserta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7.**

JADUAL 7
SASARAN DAN LAPORAN PENCAPAIAN PROGRAM CCD
ANTARA LAPORAN KKR DAN CIDB BAGI TAHUN 2021 DAN 2022

TAHUN	SASARAN	LAPORAN PENCAPAIAN		PERBEZAAN
		KKR	CIDB	
	BIL.PESERTA	BIL.PESERTA	BIL.PESERTA	BIL.PESERTA
2021	7,500	16,240	29,639	(13,399)
2022	7,500	49,820	75,451	(25,631)

Sumber: Laporan Pencapaian PSO KKR 2021-2022 dan BPK, CIDB

- vi. Pihak BPK memaklumkan perbezaan ini disebabkan oleh pelaporan pencapaian kepada KKR adalah berdasarkan anggaran bilangan peserta

yang diisytiharkan oleh pihak penganjur Program CCD melalui CIMS (Modul Latihan).

- vii. Semakan Audit terhadap data yang dijana melalui CIMS pada tahun 2021 dan 2022 mendapati peserta Program CCD turut merekodkan peserta selain daripada kontraktor. Analisis Audit menunjukkan **8,171 (27.6%) daripada 29,639 peserta pada tahun 2021 dan 24,095 (31.9%) daripada 75,451 peserta pada tahun 2022 adalah daripada kalangan peserta selain kontraktor seperti pelajar, perunding, pemaaju dan pemilik projek**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
BILANGAN PESERTA MENGIKUT MAKLUMAT YANG DIJANA MELALUI SISTEM
DI BAWAH MEDAN GRED BAGI TAHUN 2021 DAN 2022

GRED KONTRAKTOR	BILANGAN PESERTA	
	TAHUN 2021	TAHUN 2022
G1	7,835	19,244
G2	3,179	6,796
G3	2,455	6,135
G4	1,068	2,633
G5	1,641	4,178
G6	626	1,574
G7	4,664	10,796
JUMLAH PESERTA DARI SYARIKAT KONTRAKTOR (a) %=(a)/(c)X 100	21,468 (72.4%)	51,356 (68.1%)
SELAIN DARIPADA KONTRAKTOR (b) %=(b)/(c) X 100	8,171 (27.6%)	24,095 (31.9%)
JUMLAH PESERTA PROGRAM CCD (c)	29,639	75,451

Sumber: CIMS

- viii. **Pihak Audit mendapati Laporan Pencapaian PSO KKR kurang tepat kerana bilangan peserta terdiri daripada selain kontraktor**. Perkara ini juga tidak selaras dengan objektif Program CCD untuk memberi pengiktirafan kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kontraktor secara berterusan.
- ix. Menurut Kamus Pelan Tindakan PSO KKR, Program CCD menjadi syarat wajib kepada kontraktor yang akan memperbaharui Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB. CIDB menetapkan sasaran purata kontraktor yang memperbaharui PPK adalah antara 30,000 hingga 50,000 kontraktor setahun. Semakan Audit terhadap data yang dijana melalui CIMS dan SMB mendapati 201,603 kontraktor telah memperbaharui PPK

pada tahun 2016 hingga 2022. Analisis Audit mendapati **pencapaian purata pembaharuan PPK tidak tercapai pada tahun 2016 hingga 2020 serta 2022 iaitu antara 22,969 (76.6%) hingga 29,243 (97.7%) kontraktor**. Bagaimanapun, pencapaian purata pembaharuan PPK tercapai bagi tahun 2021 iaitu seramai 39,040 kontraktor kerana pelaksanaan Inisiatif Prihatin Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan pemberian pengecualian keperluan mata CCD dalam syarat pembaharuan PPK. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3
BILANGAN KONTRAKTOR YANG MEMPERBAHARUI PPK
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**



Sumber: Modul Pendaftaran Kontraktor, CIMS CIDB

Maklum balas CIDB yang diterima pada 11 Ogos 2023

Sasaran 7,500 ditetapkan adalah berdasarkan trend permohonan penganjuran program mata CCD pada masa itu. Penambahbaikan sasaran kepada 40,000 peserta dilatih bagi setiap tahun telah dipinda pada tahun 2023 di dalam Kamus Pelan Tindakan PSO 2021-2025. Bagi tahun 2016 hingga bulan April 2021, permohonan CCD adalah menggunakan SMB dan data peserta tidak disimpan. Setelah menggunakan CIMS bermula bulan April 2021, medan data peserta telah diwujudkan untuk mendapatkan maklumat peserta daripada penganjur. Program CCD adalah terbuka kepada semua dan bukan kepada kontraktor berdaftar sahaja termasuk pelajar, perunding, pemaju atau klien yang ingin menambah ilmu dalam program berkaitan pembinaan yang dianjurkan. Oleh yang demikian, ada medan yang tidak diisi oleh peserta program. Penambahbaikan CIMS bagi Program CCD bagi medan pengisian data peserta dijangka siap pada tahun 2024.

**Pendapat
Audit**

Pencapaian program adalah baik kerana mencapai bilangan peserta yang disasarkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kontraktor secara berterusan. Namun, bilangan peserta turut mengambil kira peserta selain daripada kontraktor.

c. Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE)

- i. Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) merupakan program yang dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama SME Corporation Malaysia pada tahun 2008 bagi mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor tempatan. Program SCORE dilaksanakan terhadap kontraktor tempatan melalui analisis terhadap jawapan yang diberikan oleh kontraktor terhadap tujuh parameter yang ditetapkan iaitu Prestasi Perniagaan; Keupayaan Kewangan; Keupayaan Teknikal; Pengurusan Projek; Pengurusan Perolehan; Amalan Terbaik; dan Keupayaan Pengurusan. Daripada keseluruhan markah tersebut, syarikat diberi penarafan bintang mengikut peratusan markah. Bagi penarafan 5 Bintang syarikat hendaklah memperoleh Peratus Pencapaian Markah Keseluruhan (PPMK) 85% dan ke atas; dan Markah Setiap Parameter (MSP) tidak kurang daripada 15 markah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PARAMETER DAN SKALA PEMARKAHAN SCORE KONTRAKTOR

BIL.	PARAMETER	MARKAH	SCORE	SKALA PEMARKAHAN	DEFINISI PEMARKAHAN
1.	Prestasi Perniagaan	30	0	0-10	Memenuhi syarat-syarat pendaftaran dan asas operasi.
2.	Keupayaan Kewangan	30	★	11-30	Mempunyai asas pengurusan dan keupayaan teknikal.
3.	Keupayaan Teknikal	30	★★	31-50	Berkemampuan dalam pengurusan dan keupayaan teknikal.
4.	Pengurusan Projek	30	★★★	71-84 (minimum markah setiap parameter - 10/30)	Pengurusan dan kemampuan teknikal yang cekap, mematuhi amalan terbaik, inovatif, mempunyai sistem berintegrasi dan pengurusan projek yang baik.
5.	Pengurusan Perolehan	30			
6.	Amalan Terbaik	30	★★★★	85-100 (minimum markah setiap parameter - 15/30)	Boleh dicontohi, syarikat yang kukuh, cekap dalam pengurusan dan keupayaan teknikal, mematuhi amalan terbaik, mempunyai sistem berintegrasi dan pengurusan projek yang baik.
7.	Keupayaan Pengurusan	30			
JUMLAH		210			


Sumber: Garis Panduan SCORE 2018

- ii. Berdasarkan Kamus Pelan Tindakan PSO KKR 2016-2020, Program SCORE dibangunkan bagi mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor syarikat pembinaan tempatan. Berdasarkan Kamus Pelan Tindakan PSO KKR 2021-2022, Program Coaching bertujuan untuk memberi khidmat

nasihat dan bimbingan kepada kontraktor yang ingin meningkatkan penarafan SCORE.

- iii. Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2020 menetapkan sasaran untuk pencapaian penarafan lima bintang bagi 10 kontraktor menjelang tahun 2020. Laporan Pencapaian PSO KKR 2021-2022 bagi Program *Coaching* pula menetapkan sasaran iaitu penyertaan 200 kontraktor setiap tahun.
- iv. **Pencapaian bagi penarafan lima bintang telah tercapai** iaitu sebanyak 33 kontraktor mencapai penarafan lima bintang menjelang tahun 2020. **Pencapaian bagi Program *Coaching* juga telah tercapai** iaitu seramai 1,278 peserta (639%) bagi tahun 2021 dan 1,971 peserta (985.5%) bagi tahun 2022 telah menjalani program. Butiran lanjut seperti **Carta 4**.

CARTA 4
SASARAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM SCORE DAN *COACHING*
BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2022



Sumber: Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2020

Sumber: Laporan Pencapaian PSO KKR 2021-2022

- v. Analisis Audit terhadap pencapaian PSO KKR bagi tahun 2020 berbanding jumlah kontraktor berdaftar mendapati, **hanya 33 (0.03%) kontraktor mencapai SCORE 5 Bintang berbanding 121,036 kontraktor berdaftar pada tahun 2020**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENCAPAIAN PSO KKR BERBANDING JUMLAH KONTRAKTOR
BERDAFTAR BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	PENCAPAIAN PSO KKR	KONTRAKTOR BERDAFTAR	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2016	13	79,814	0.02
2017	7	84,031	0.01
2018	21	95,997	0.02
2019	31	104,859	0.03
2020	33	121,036	0.03

Sumber: Laporan Tahunan CIDB bagi tahun 2016 - 2020; Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2020

- vi. Semakan Audit terhadap Program *Coaching* mendapati **jurang pencapaian adalah tinggi iaitu sebanyak 639% bagi tahun 2021 dan 985.5% bagi tahun 2022 berbanding sasaran hanya 200 kontraktor setiap tahun.** Selain itu, wujud perbezaan bilangan peserta yang dilaporkan dalam Laporan Pencapaian PSO KKR berbanding dengan Laporan CIDB. Perkara ini disebabkan pihak CIDB terkurang lapor 271 peserta pada tahun 2021 dan terlebih lapor 369 peserta pada tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
JUMLAH PENCAPAIAN PROGRAM *COACHING* BAGI TAHUN 2021 DAN 2022

TAHUN	SASARAN	LAPORAN PENCAPAIAN PSO KKR	LAPORAN CIDB	PERBEZAAN PELAPORAN
		BILANGAN PESERTA		
		(a)	(b)	(c) = (a) – (b)
2021	200	1,278 (639%)	1,549	(271)
2022	200	1,971 (985.5%)	1,602	369

Sumber: Bahagian Pendaftaran Kontraktor, CIDB

Maklum balas CIDB yang diterima pada 29 September 2023

Penarafan 5 Bintang merupakan penarafan tertinggi dalam penilaian SCORE yang memerlukan syarikat mendapat sekurang-kurangnya 15 markah dalam Parameter Keupayaan Kewangan. Lanjutan daripada penetapan markah ini menjadikan ramai kontraktor tidak layak mendapat penarafan 5 Bintang. Justeru, Program *Coaching* diadakan untuk memberi pendedahan dan panduan kepada kontraktor untuk memahami keperluan dan penyediaan dokumen bagi mengisi permohonan SCORE terutama Parameter Keupayaan Kewangan.

Pendapat Audit | Pencapaian Program SCORE adalah baik kerana mencapai bilangan kontraktor yang disasarkan. Namun, jurang pencapaian bagi Program *Coaching* berbanding sasaran adalah tinggi iaitu 639% bagi tahun 2021 dan 985.5% bagi tahun 2022.

5.1.1.2. Kompetensi Tenaga Kerja dalam Industri Pembinaan

KKR menerusi CIDB telah melaksanakan tiga pelan tindakan dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran dan bilangan personel industri pembinaan tempatan yang bertauliah. Mengikut Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2022, KKR menetapkan pelan tindakan dan sasaran adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PELAN TINDAKAN DAN SASARAN PROGRAM PENYELIAAN DAN PENGURUSAN, LATIHAN, PENILAIAN DAN PENTAULIAHAN PERSONEL INDUSTRI PEMBINAAN


PELAN TINDAKAN	INDIKATOR SASARAN	SASARAN
1. PSO KKR 2016-2020		
Pelaksanaan Program Penyeliaan, Pengurusan, Keselamatan dan Kesihatan	Bilangan penyelia dan pengurusan dilatih dan ditauliahkan	15,000 penyelia dan pengurusan dilatih dan ditauliahkan menjelang tahun 2020
Melaksanakan latihan dan penilaian kemahiran personel binaan melalui kaedah yang lebih efektif dan berkesan Program: - Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Belia dan Personel Binaan - Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK)	Bilangan personel binaan dilatih, dinilai dan ditauliahkan	Tahun 2016- 2019: 35,000 personel binaan dilatih, dinilai dan ditauliahkan dalam setahun Tahun 2020: 25,000 personel binaan dilatih, dinilai dan ditauliahkan dalam setahun
2. PSO KKR 2021-2025		
Melaksanakan latihan dan memberikan pentaualihan personel industri pembinaan melalui program penyeliaan dan pengurusan Program: Penyeliaan dan Pengurusan	Bilangan personel binaan dilatih dan ditauliah	1,500 personel binaan setiap tahun
Menjalankan Latihan untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety Health Officer-SHO) dan Pegawai Keselamatan Tapak (Site Safety Supervisor-SSS) Program: Program Latihan SHO dan SSS	Bilangan personel binaan dilatih	400 peserta dilatih setiap tahun
Melaksanakan latihan, penilaian dan pentaualihan kemahiran personel industri pembinaan tempatan Program: - Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Belia dan Personel Binaan - Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK) - Penyeliaan dan Pengurusan (PP)	Bilangan personel binaan dilatih, dinilai dan ditauliah	18,000 personel binaan tempatan setiap tahun

Sumber: Laporan dan Kamus Pelan Tindakan PSO KKR 2016-2022

a. Program Penyeliaan dan Pengurusan serta Keselamatan dan Kesihatan

- i. Program Pentauliahan Penyeliaan dan Pengurusan (PP) dibuka kepada semua personel binaan/individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kerja penyeliaan dan pengurusan di tapak bina serta memenuhi syarat kelayakan permohonan dan pentauliahan.
- ii. CIDB telah melaksanakan Program Latihan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan iaitu Safety Health Officer (SHO) dan Pegawai Keselamatan Tapak iaitu Safety Health Officer (SSS) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
- iii. Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2020 menetapkan sasaran seramai 15,000 penyelia dan pengurusan dilatih serta ditauliahkan menjelang tahun 2020. Laporan Pencapaian PSO KKR 2021-2022 pula menetapkan sasaran seramai 1,500 personel binaan dilatih dan ditauliah setiap tahun untuk Program PP serta seramai 400 peserta dilatih setiap tahun untuk Program Latihan SHO dan SSS bagi tahun 2021 dan 2022.
- iv. Berdasarkan Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2022, **pencapaian bagi Program PP telah tercapai** bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 iaitu 17,242 (115%) personel binaan, 1,603 (106.9%) personel binaan bagi tahun 2021 dan 2,111 (140.7%) personel binaan bagi tahun 2022 dilatih dan ditauliah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 5**.


CARTA 5
SASARAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM PENYELIAAN DAN PENGURUSAN
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022



Sumber: Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2020 dan 2021-2022

- v. **Pencapaian bagi Program Latihan SHO dan SSS telah tercapai** iaitu seramai 644 (161%) peserta dilatih bagi tahun 2021 dan 543 (135.8%) peserta bagi tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6**.


CARTA 6
SASARAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN SHO DAN SSS
BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2022



Sumber: Laporan Pencapaian PSO KKR 2021-2022

- vi. Merujuk Syarat-syarat Permohonan bagi Mendapatkan Pentauliah sebagai Personel Bertauliah Mengikut Tahap Kompetensi Program Pentauliah Penyeliaan dan Pengurusan menyatakan peserta yang lulus melalui mana-mana kaedah akan diperakukan melalui Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) mengikut tahap di mana bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab. Bagi tujuan pendaftaran dengan CIDB, personel bertauliah bagi Program Pentauliah Penyeliaan dan Pengurusan hendaklah mengemas kini pendaftaran dalam Kad Pendaftaran Personel Binaan.
- vii. Semakan Audit berdasarkan statistik pencapaian Program PP yang disediakan oleh CIDB mendapati 1,132 (69.5%) personel binaan telah lulus dan ditauliahkan serta 496 (30.5%) personel binaan telah gagal pada tahun 2021. Manakala 1,693 (79.2%) personel binaan telah lulus dan ditauliahkan serta 445 (20.8%) personel binaan telah gagal pada tahun 2022. Pencapaian ini menunjukkan **sasaran personel binaan dilatih dan ditauliah bagi tahun 2021 tidak tercapai iaitu seramai 1,132 (75.5%) berbanding sasaran 1,500 personel binaan dilatih dan ditauliah**. Bagaimanapun, data peserta bagi tahun 2016 hingga 2020 yang lengkap tidak disediakan oleh CIDB. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
SASARAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM PENYELIAAN DAN PENGURUSAN
BAGI TAHUN 2021 DAN 2022



Sumber: BPP CIDB

Maklum balas CIDB yang diterima pada 24 Julai dan 29 September 2023

Maklumat Program PP masih diproses secara manual dan akan ditambah baik melalui CIMS (dilaksanakan pada bulan Ogos 2023). Dengan penggunaan sistem CIMS ini, maklumat akan diperolehi dengan lebih mudah dan tepat. Bagi tahun 2021 dan 2022, KPI dikira berdasarkan pencapaian lulus dan gagal. Bagi tahun 2023, penambahbaikan telah dibuat iaitu hanya peserta lulus dilaporkan untuk pencapaian PSO KKR. Penetapan sasaran personel binaan yang dilatih dan ditauliah dinaikkan dari 1,500 peserta pada tahun 2022 kepada 2,000 peserta pada tahun 2023. Seminar mempromosikan Program PP dilanjutkan pada tahun 2023 melalui Program Pematuhan Akta 520 di setiap negeri.

Pendapat Audit | **Pencapaian personel binaan bagi penyelia dan pengurusan dilatih dan ditauliahkan adalah baik kerana sasaran yang ditetapkan telah tercapai bagi tahun 2022. Namun, pencapaian personel binaan dilatih dan ditauliahkan tidak tercapai bagi tahun 2021.**


b. Program Latihan dan Penilaian Kemahiran Personel Binaan

- i. Program Latihan dan Penilaian Kemahiran Personel Binaan melibatkan Program LKK, PKK serta PP yang mensasarkan penglibatan peserta tempatan. LKK terbahagi kepada dua program iaitu LKK Belia yang disasarkan kepada belia berumur 17 hingga 35 tahun manakala program

LKK Personel Binaan disasarkan kepada personel yang telah bekerja berumur antara 21 hingga 55 tahun. Program PKK mensasarkan personel binaan berpengalaman bekerja dalam industri bagi memastikan mereka adalah kompeten dan bertauliah untuk melaksanakan sesuatu tred pekerjaan mahir. Program PP menilai peserta mengikut tiga kaedah iaitu latihan dan penilaian, penilaian bertulis serta temuduga.

- ii. Berdasarkan Kamus Pelan Tindakan PSO KKR, CIDB telah melaksanakan latihan penilaian dan pentauliahkan kemahiran personel industri pembinaan tempatan. Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2020 menetapkan seramai 35,000 personel binaan dilatih, dinilai dan ditauliahkan dalam setahun. Bagaimanapun, sasaran pada tahun 2020 diturunkan kepada 25,000 personel binaan disebabkan pandemik Covid-19. Laporan Pencapaian PSO KKR 2021-2022 pula menetapkan sasaran seramai 18,000 personel binaan dilatih, dinilai dan ditauliahkan dalam setahun termasuk personel binaan Program PP.
- iii. Berdasarkan Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2022, output bagi pelan tindakan ini telah tercapai bagi tahun 2016, 2018, 2019, 2020 dan 2021 iaitu antara 105.6% hingga 159.9%. Bagaimanapun, **pencapaian bagi tahun 2017 dan 2021 masing-masing hanya seramai 21,502 (61.4%) dan 14,662 (81.5%) personel binaan.** Pencapaian bagi tahun 2017 adalah rendah disebabkan penetapan kadar yuran yang tinggi manakala tahun 2021 disebabkan oleh pandemik Covid-19. Maklumat lanjut sasaran dan pencapaian PSO KKR bagi tahun 2016 hingga 2022 adalah seperti dalam **Carta 8**.


CARTA 8
SASARAN DAN PENCAPAIAN PSO KKR BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022



Sumber: Laporan Pencapaian PSO KKR 2016 - 2022

- iv. Peserta yang lulus penilaian, ditauliahkan dengan pemberian Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) mengikut tahap kompetensi. Bagi tujuan pendaftaran dengan CIDB, personel binaan bertauliah hendaklah memastikan tred yang ditauliahkan dikemas kini di dalam data pendaftaran CIDB.
- v. Analisis Audit terhadap data keputusan penilaian peserta mendapati peserta yang lulus dan boleh ditauliahkan sebagai personel binaan adalah seramai 192,536 (83.5%) peserta berbanding pelaporan PSO di peringkat KKR adalah seramai 230,585. **Pencapaian yang dilaporkan CIDB adalah berbeza antara (13,313) hingga 21,340 peserta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022.**
- vi. Analisis lanjut terhadap data daripada CIMS mendapati wujud perbezaan seramai 38,049 (16.5%) berbanding yang dilaporkan di PSO. Perkara ini disebabkan oleh pelaporan di peringkat KKR adalah termasuk peserta yang tidak hadir, gagal, tidak menghadiri penilaian dan permohonan dibatalkan. Berdasarkan **peserta yang lulus dan ditauliahkan, pencapaian output tidak tercapai bagi tahun 2017 hingga 2021 kecuali tahun 2016 dan 2022.** Bagaimanapun, pencapaian bagi tempoh 2016 hingga 2022 adalah 192,536 (95.8%) peserta berbanding sasaran 201,000 peserta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 9.**

CARTA 9
PENCAPAIAN PESERTA PROGRAM LKK, PKK DAN PP
BERDASARKAN KEPUTUSAN PENILAIAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022



Sumber: PSO KKR dan BPP CIDB

Nota: (*) - Pencapaian Tahun 2022 Termasuk Program PP iaitu 2,111 Peserta

Maklum balas CIDB yang diterima pada 24 Julai dan 29 September 2023

Laporan ini adalah dijana melalui SMB dan CIMS, bilangan tiada maklumat adalah disebabkan oleh penilaian tidak dijalankan/permohonan telah terbatal. Sebagai penambahbaikan, peserta yang tiada maklumat tersebut akan dikategorikan sebagai tidak hadir. Sasaran gabungan yang ditetapkan bagi Program LKK Personel Binaan dan Belia, Program PKK serta Program PP adalah termasuk dalam skop akreditasi personel binaan bagi tahap 1 hingga 6. Sebagai penambahbaikan, bermula bulan Julai 2023, pelaporan pencapaian pada dua Pelan Tindakan PSO KKR akan dilaporkan mengikut tahap kemahiran dan pelaporan tersebut tidak bertindih.

KKR dan CIDB melalui borang pindaan PSO KKR 2021 - 2025 telah mencadangkan pindaan KPI berdasarkan justifikasi iaitu pelaksanaan PKP disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang mana pelaksanaan latihan dan penilaian tidak dapat dijalankan sepenuhnya; kekurangan peserta memohon untuk mengikuti latihan dan penilaian kerana mod program ditukar secara dalaman bagi program tertentu semasa PKP. Bagi Program PKK, hanya boleh dilaksanakan secara fizikal di mana penilaian akan berdasarkan kepada kemahiran peserta untuk melaksanakan dan menyiapkan penilaian tersebut. Pihak CIDB telah memperkenalkan beberapa insentif

pengurangan yuran bagi membantu dan menarik majikan/pekerja binaan untuk mengikuti program LKK dan PKK. Bermula tahun 2022, pihak CIDB telah memperkenalkan pengurangan kadar yuran RM50 kepada pekerja binaan tempatan yang mengikuti program LKK dan PKK.

Pendapat Audit | **Pencapaian program untuk personel binaan dilatih, dinilai dan ditauliahkan adalah baik kerana peratus pencapaian peserta adalah sebanyak 95.8% berbanding sasaran bagi tempoh 2016 hingga 2022.**

5.1.1.3. Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global

- a. Berdasarkan Pelan Tindakan PSO KKR menetapkan peningkatan daya saing industri pembinaan di peringkat global yang disasarkan untuk membantu meningkatkan jaringan komunikasi dan peluang penglibatan syarikat tempatan dalam projek pembinaan pada peringkat global. Menurut Laporan Pencapaian PSO KKR 2016-2020, pengukuran pencapaian output bagi pelan tindakan ini dilaksanakan berdasarkan tiga sasaran iaitu misi promosi perdagangan global; profil negara; dan sesi taklimat/padanan perniagaan bersama/ sesi jalinan dengan negara berpotensi.
- b. **Pencapaian bagi pelan tindakan ini telah tercapai** bagi tahun 2016 hingga 2019 berbanding sasaran yang ditetapkan kecuali pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemik Covid-19. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
SASARAN DAN PENCAPAIAN PSO KKR BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020

SASARAN TAHUN 2016-2020	PENCAPAIAN				
	2016	2017	2018	2019	2020
Menjalankan Misi Promosi dan Perdagangan Antarabangsa Dalam dan Luar Negara untuk Sektor Pembinaan dan Perkhidmatan Profesional					
3 misi promosi dan perdagangan setahun	 8 misi	 8 misi	 4 misi	 3 misi	 Digugurkan disebabkan oleh pandemik Covid-19
3 misi lawatan daripada luar negara	 3 misi	 8 misi	 4 misi	 5 misi	
1 pameran antarabangsa disertai setahun	 1 pameran	 1 pameran	 1 pameran	 1 pameran	
Menyediakan Profil Negara bagi Mengenalpasti Daya Tarikan Sesebuah Negara Menerusi Kajian Sektor/ Sub-Sektor Pasaran/ Makro Ekonomi dan Statistik Sektor Industri Pembinaan					
2 Profil Negara Setahun	 8 Profil	 2 Profil	 2 Profil	 2 Profil	 2 Profil
Mengadakan Sesi Taklimat/ Padanan Perniagaan Bersama/ Sesi Jalinan Dengan Negara yang Berpotensi bagi Mewujudkan Peluang Pasaran Bisnes Pembinaan					

SASARAN TAHUN 2016-2020	PENCAPAIAN				
	2016	2017	2018	2019	2020
3 sesi setahun	✓ 8 Sesi	✓ 17 Sesi	✓ 5 Sesi	✓ 15 Sesi	✗ Digugurkan disebabkan oleh pandemik Covid-19

Sumber: Minit Mesyuarat Pencapaian Pelaksanaan dan Laporan PSO KKR 2016-2020

Nota: ✓ Tercapai ✗ Tidak tercapai

- c. Menurut Laporan Pencapaian PSO KKR Tahun 2021 - 2022, pengukuran pencapaian output bagi pelan tindakan ini dilaksanakan berdasarkan tiga sasaran iaitu membangunkan profil negara; program peningkatan kerjasama antarabangsa; dan membangunkan direktori syarikat pembinaan beroperasi di luar negara.
- d. **Pencapaian bagi pelan tindakan pada tahun 2021 dan 2022 telah tercapai** berbanding sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
SASARAN DAN PENCAPAIAN PSO KKR BAGI TEMPOH 2021 HINGGA 2022

SASARAN		PENCAPAIAN	
		2021	2022
Menjalankan Misi Promosi dan Perdagangan Antarabangsa Dalam dan Luar Negara untuk Sektor Pembinaan dan Perkhidmatan Profesional			
1.	2 Profil negara setiap tahun	2 Profil ✓	2 Profil ✓
Program Daya Saing Penggiat Industri ke Peringkat Antarabangsa Melalui Peningkatan Kerjasama Antarabangsa Dalam Industri Pembinaan.			
2.	4 Program setiap tahun	4 Program ✓	7 Program ✓
Membangunkan Direktori Syarikat Pembinaan Malaysia Yang Beroperasi Di Luar Negara dan Diiktiraf Pada Peringkat Antarabangsa.			
3.	1 Direktori setiap 2 tahun	1 Direktori ✓	

Sumber: Laporan Pencapaian PSO KKR 2021 – 2022

Nota: ✓ Tercapai

Pendapat Audit | **Pencapaian bagi program daya saing industri pembinaan di peringkat global adalah baik kerana sasaran yang ditetapkan telah tercapai kecuali tahun 2020 disebabkan oleh pandemik Covid-19.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian keberhasilan dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau

program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasar.

- b. Pencapaian keberhasilan yang dinilai adalah berdasarkan kepada keberkesanan pelan tindakan dalam usaha KKR meningkatkan kompetensi tenaga kerja industri pembinaan tempatan yang bertaualiah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri pembinaan. Selain itu, pencapaian keberhasilan juga dinilai berdasarkan keberkesanan kontraktor dalam industri pembinaan termasuk pelan tindakan yang dilaksanakan melalui program daya saing penggiat industri ke peringkat global. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PELAN TINDAKAN DAN OBJEKTIF PROGRAM

BIL.	PELAN TINDAKAN	OBJEKTIF PROGRAM
1.	Kontraktor Pengurusan Fasiliti (FM)	Meningkatkan bilangan Kontraktor dan menyediakan tenaga kerja dalam bidang FM
2.	Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (Contractor Continuous Development - CCD)	• Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan profesionalisme kontraktor melalui penyertaan mereka dalam Program CCD • Memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan berjasa kepada industri pembinaan sama ada di peringkat dalam mahupun luar negara • Mempertingkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan kontraktor pembinaan tempatan
3.	Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE)	Mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor syarikat pembinaan tempatan
4.	Program Coaching untuk Penilaian SCORE	Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti kontraktor serta menambah bilangan syarikat kontraktor yang berprofil tinggi dalam industri pembinaan negara
5.	Program Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) Belia dan Personel Binaan	Meningkatkan tahap kemahiran serta bilangan personel binaan tempatan yang bertaualiah bagi memenuhi keperluan industri pembinaan tempatan
6.	Program Penilaian Kompetensi Kemahiran Personel Binaan (PKK)	
7.	Program Penilaian Penyeliaan dan Pengurusan (PP)	Meningkatkan bilangan personel binaan yang memiliki pengetahuan dalam bidang pengurusan dan penyeliaan projek pembinaan
8.	Program Latihan untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) dan Pegawai Keselamatan Tapak (SSS)	Meningkatkan bilangan SHO dan SSS di dalam industri pembinaan
9.	Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global	Meningkatkan jaringan peluang penglibatan syarikat berkaitan pembinaan di peringkat antarabangsa

Sumber: PSO KKR 2016 hingga 2025


- c. Pihak Audit mendapati **tiada penilaian keberhasilan dan impak dijalankan bagi sembilan pelan tindakan program tersebut di peringkat KKR atau CIDB**. Bagaimanapun, impak Program LKK Belia iaitu Tracer Study (Kebolehpasaran) ada dijalankan setiap tahun oleh pihak CIDBH.

5.1.2.1. Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan

a. Pendaftaran Kontraktor dan Pentaualihan Personel FM

- i. Pencapaian keberhasilan program FM dinilai berdasarkan bilangan kontraktor FM berdaftar, Pengurus Pengurusan Fasilitas (FMM) dan Eksekutif Pengurusan Fasilitas (FME) yang bertaualiah serta penglibatan kontraktor FM dalam kontrak Pengurusan Fasilitas dan Penyelenggaraan (PFP). Semakan Audit mendapati **CIDB tidak menetapkan indikator bagi mengukur pencapaian objektif program tersebut.**
- ii. CIDB telah menetapkan syarat pendaftaran kontraktor FM dengan kod pengkhususan iaitu F01 (Fasilitas Bangunan dan Infrastruktur Am) dan F02 (Fasilitas Bangunan Penjagaan Kesihatan) bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran dan kompetensi kontraktor FM.
- iii. Semakan Audit terhadap data dari Modul Pendaftaran Kontraktor di CIMS mendapati **hanya seramai 692 (45.2%) kontraktor berdaftar sebagai kontraktor FM sehingga tahun 2022 berbanding seramai 1,530 peserta yang menghadiri Program FM.** Daripada 692 kontraktor tersebut, seramai 600 kontraktor mendaftar bagi kod F01 dan 92 kontraktor mendaftar kedua-dua kod pengkhususan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 10**.

CARTA 10
KONTRAKTOR FM BERDAFTAR MENGIKUT KOD PADA TAHUN 2022



Sumber: CIMS

- iv. Merujuk Garis Panduan Permohonan Pentaualihan Program Pentaualihan FMM dan FME, 2018 menyatakan kontraktor FM perlu ditauliahkan melalui Program FMM dan FME mengikut standard kompetensi yang dibangunkan oleh CIDB.

- v. Semakan Audit terhadap Program PP mendapati **hanya 129 (47.8%) daripada 270 peserta telah ditauliahkan sebagai FMM dan FME sehingga tahun 2022.**
- vi. Pencapaian bilangan kontraktor FM masih rendah disebabkan syarat pendaftaran FM masih tidak dikuatkuasakan dan ditangguhkan sehingga 1 Jun 2024. Selain itu, modul dan fasiliti latihan masih belum dibangunkan oleh CIDB.
- vii. Analisis telah dijalankan terhadap data pelantikan kontraktor FM melibatkan KKR, Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB) JKR dan Seksyen Pengurusan Kuarters, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) JPM bagi tahun 2022. Analisis Audit mendapati hanya sebanyak 104 projek atau kontrak yang bernilai RM2.39 bilion telah dilaksanakan secara perolehan PFP. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
BILANGAN PROJEK MELIBATKAN KONTRAK FM BAGI TAHUN 2022

KEMENTERIAN/ AGENSI	BILANGAN PROJEK	NILAI PROJEK (RM Bilion)
KKR	67	1.9
CSFB JKR Malaysia	14	0.13
BPH	23	0.36
JUMLAH	104	2.39

Sumber: Data dari KKR, CFSB, JKR Sabah dan BPH

- viii. Perolehan bagi kontrak PFP masih rendah iaitu 4% berbanding sebanyak 2,629 aset bangunan Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan oleh Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi tahun berakhir 2022. Perkara ini disebabkan peruntukan kewangan yang tinggi bagi pelaksanaan kontrak PFP dan kekurangan kontraktor FM berdaftar.

Maklum balas KKR yang diterima pada 29 September 2023

Pengukuhan bidang penyenggaraan infrastruktur adalah salah satu teras utama di dalam Rangka Kerja DPN 2030 yang dibangunkan oleh KKR. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan pembangunan kontraktor FM akan diteruskan selari dengan kehendak dasar ini. KKR ambil maklum kepentingan kajian keberkesanan untuk mengukur pencapaian sebenar program supaya tindakan penambahbaikan sewajarnya dapat diambil. Oleh itu, KKR dan CIDB akan mencari kaedah sesuai untuk menjalankan kajian impak terhadap program semasa Bengkel Kajian Separuh Penggal PSO KKR 2021-2025.

Pendapat Audit | Pencapaian objektif program bagi meningkatkan bilangan kontraktor dan menyediakan tenaga kerja dalam bidang FM belum tercapai kerana bilangan kontraktor FM dan tenaga kerja FM yang masih rendah.

b. Pencapaian Program CCD

- i. Penyertaan kontraktor dalam setiap Program CCD yang dijalankan oleh CIDB atau penganjur berdaftar akan diberikan mata CCD.
- ii. Semakan Audit mendapati **CIDB tidak menetapkan indikator bagi mengukur keberhasilan objektif terhadap program tersebut.** Selain itu, **pihak CIDB tidak mensyaratkan pihak penganjur untuk menyediakan laporan penilaian menghadiri program.**

Maklum balas CIDB yang diterima pada 29 September 2023

CIDB akan meneliti semula proses analisis pelaporan, keberkesanan program dan penambahbaikan pelaksanaan program dari semasa ke semasa.

Pendapat Audit | Pencapaian objektif Program CCD yang dilaksanakan bagi memberi manfaat kepada kontraktor tidak dapat diukur kerana ketiadaan indikator yang jelas.

c. Pencapaian Program SCORE

- i. Pihak CIDB dengan kerjasama SME Corp telah membangunkan satu kaedah penilaian bagi mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor yang dikenali sebagai Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) bermula tahun 2008. Pelaksanaan penilaian SCORE diwajibkan kepada semua kontraktor gred G7 bermula tahun 2010 dan seterusnya penilaian SCORE diwajibkan sebagai syarat pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) bermula tahun 2013. Ringkasan kronologi pembangunan dan pelaksanaan SCORE adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
KRONOLOGI SCORE FASA 1 DAN FASA 2

FASA	TARIKH	PENERANGAN
FASA 1 Bina dan Uji	Mac 2008	Kerjasama antara CIDB dan SME-Corp bagi pembangunan satu kaedah penilaian.
	Oktober 2008 dan Oktober 2009	Program penilaian SCORE dijadikan Projek Rintis di dalam Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) pada tahun 2008 dan 2009.
FASA 2 Pelaksanaan	Jan 2010	Mewajibkan kepada kontraktor Gred G7 untuk membuat penilaian SCORE.
	Mac 2011	Mengalakkan Gred G6 untuk mengambil bahagian dalam penilaian SCORE.
	Mac 2012	Mengalakkan Gred G5 untuk mengambil bahagian dalam penilaian SCORE.
	21 Mac 2012	Surat Pekeliling KPKR Bil. 8/2012: Semua projek JKR bernilai melebihi RM10 juta dan ke atas perlu mengambil kira penilaian SCORE di dalam penilaian tender.
	Januari 2013	- Jemaah Menteri mewajibkan SCORE kepada permohonan SPKK dan STB. - Pada Januari 2013, CIDB telah mengenakan syarat pendaftaran baharu SPKK seperti mana arahan Jemaah Menteri.
	26 Ogos 2016	Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi (JPT) CIDB telah menetapkan penilaian SCORE kepada semua kontraktor gred G7 yang memperbaharui SPKK.

Sumber: Garis Panduan SCORE 2018

- ii. Pencapaian keberhasilan program SCORE dinilai berdasarkan prestasi kontraktor yang mendapat 5 Bintang menjelang tahun 2020. Analisis Audit di CIMS terhadap 33 syarikat yang memperoleh 5 Bintang pada tahun 2020 mendapati 32 (96.9%) syarikat telah berjaya memperoleh 655 projek dengan nilai keseluruhan projek yang diisytiharkan berjumlah RM38.57 bilion. Analisis lanjut mendapati, lima daripada 32 syarikat tersebut yang telah berjaya memperoleh hanya enam projek awam di bawah JKR dengan nilai projek sejumlah RM582.61 juta bagi tempoh tahun 2021 dan 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH 5 BINTANG DAN
NILAI PROJEK YANG DIISYTIHARKAN

BIL. SYARIKAT	BIL. PROJEK	JUMLAH PROJEK	NILAI PROJEK (RM Bilion)
SISTEM CIMS (Projek Yang Didaftar/Diisytiharkan)			
1	Tiada Projek	-	-
17	1-10	77	13.06
13	11-100	248	18.93
2	101-200	330	6.58
JUMLAH		655	38.57

Sumber: CIMS

- iii. Analisis Audit terhadap data penarafan SCORE bagi kontraktor G2 hingga G7 mendapati **pencapaian kontraktor yang memperoleh SCORE menunjukkan trend menurun sebanyak 1,473 (18.5%) kontraktor daripada seramai 7,956 kontraktor pada tahun 2018 kepada 6,483 kontraktor pada tahun 2022. Pencapaian keseluruhan bagi program SCORE adalah**

rendah kerana bilangan kontraktor yang diberi penarafan bintang hanya sebanyak 5.2% berbanding kontraktor berdaftar seramai 124,015 kontraktor sehingga tahun 2022. Analisis selanjutnya mendapati pencapaian SCORE di kalangan kontraktor adalah rendah iaitu hanya 49 (0.8%) kontraktor memperoleh SCORE 4 dan 16 (0.3%) kontraktor memperoleh SCORE 5. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
TEMPOH SAH SCORE SEHINGGA 2024

SCORE	TAHUN		
	2018-2020	2020-2022	2022-2024
	BILANGAN KONTRAKTOR		
0	38	17	30
1	2,537	1,280	800
2	3,896	4,491	3,955
3	1,440	1,533	1,633
4	31	43	49 (0.8%)
5	14	13	16 (0.3%)
JUMLAH	7,956	7,377	6,483

Sumber: CIDB

- iv. Pekeliling CIDB Bil. 1/2020 Pelaksanaan Penilaian SCORE menjelaskan bahawa semua kontraktor gred G7 yang berdaftar di bawah Akta 520 adalah diwajibkan penilaian SCORE bagi tujuan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK). Analisis Audit terhadap penarafan SCORE yang melibatkan kontraktor gred G7 mendapati **hanya 13.2% hingga 44.4% memperoleh penilaian SCORE bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022**. Pencapaian yang rendah disebabkan penguatkuasaan terhadap syarat pembaharuan yang tidak menyeluruh dan tempoh SCORE masih sah semasa kontraktor membuat pembaharuan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KONTRAKTOR GRED G7 YANG MEMPEROLEH SCORE
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022

TAHUN	JUMLAH KONTRAKTOR	KONTRAKTOR GRED G7	KONTRAKTOR MEMPEROLEH SCORE	%
2016	79,814	7,084	938	13.2
2017	84,031	7,402	1,592	21.5
2018	95,997	9,000	1,633	18.1
2019	104,858	8,752	1,873	21.4
2020	121,036	8,841	3,169	35.8

TAHUN	JUMLAH KONTRAKTOR	KONTRAKTOR GRED G7	KONTRAKTOR MEMPEROLEH SCORE	%
2021	131,121	8,739	3,884	44.4
2022	124,015	8,890	3,094	34.8

Sumber: CIDB

- v. Syarat bagi pendaftaran SPKK adalah kontraktor gred G2 hingga G7 perlu memperoleh penilaian SCORE. Analisis Audit terhadap data CIMS bagi penarafan SCORE mendapati 6,049 (16.6%) kontraktor mempunyai SCORE berbanding 13,692 bilangan kontraktor yang mempunyai SPKK. Pencapaian kontraktor yang mempunyai SCORE masih rendah disebabkan syarat penarafan SCORE dihadkan kepada pendaftaran kontraktor baharu dan tidak diwajibkan kepada kontraktor gred G1. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERBANDINGAN KONTRAKTOR MEMPUNYAI SPKK
DENGAN MEMPUNYAI SCORE BAGI TAHUN 2022

GRED KONTRAKTOR	JUMLAH KONTRAKTOR BERDAFTAR	BILANGAN KONTRAKTOR YANG MEMPUNYAI SPKK	KONTRAKTOR YANG MEMPUNYAI SCORE	
			BILANGAN	%
G1	60,853	22,958	45	0.2
G2	21,491	6,569	1,480	22.5
G3	15,839	2,382	702	29.5
G4	5,143	1,404	397	28.3
G5	6,443	779	308	43.2
G6	1,850	427	204	47.8
G7	9,112	2,131	2,958	138.8
JUMLAH	120,731	36,650	6,094	16.6

Sumber: CIDB


d. Pencapaian Program *Coaching*

- i. Program *Coaching* bertujuan untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada kontraktor yang ingin meningkatkan penarafan SCORE. Analisis Audit terhadap 1,256 kontraktor yang menghadiri Program *Coaching* pada tahun 2021 mendapati hanya 366 (29.1%) kontraktor yang mempunyai penarafan SCORE manakala 890 (70.9%) kontraktor yang tidak mempunyai penarafan SCORE. Analisis selanjutnya terhadap penarafan SCORE bagi tahun 2023 mendapati **hanya 76 (6.1%) kontraktor menunjukkan peningkatan, 43 (3.4%) kontraktor kekal, dan tiga (0.2%) kontraktor menurun penarafan SCORE selepas menghadiri program.** Bagaimanapun, **244 (19.4%) kontraktor tidak menyertai**

penilaian SCORE selepas menghadiri Program *Coaching*.

Butiran lanjut adalah seperti dalam Carta 11.

CARTA 11
PENCAPAIAN PENARAFAN SCORE KONTRAKTOR
UNTUK PROGRAM *COACHING* BAGI TAHUN 2021



Sumber: CIMS

Maklum balas CIDB yang diterima pada 29 September 2023

CIDB telah memperuntukkan pelaksanaan latihan khusus Pengurusan Kewangan di dalam bajet tahun 2024 yang memfokuskan peningkatan skor bagi Parameter Keupayaan Kewangan yang disasarkan kepada kontraktor yang lemah dalam parameter tersebut. Selain itu, CIDB telah merancang untuk melaksanakan klinik SCORE di seluruh negara dan merangka proses penilaian keberhasilan program tersebut.

e. Pelaksanaan Projek – Buku Merah EPU, JPM

- i. Buku Merah Versi 2.0, EPU, JPM disediakan pada tahun 2021 bertujuan sebagai panduan bagi menangani isu kelewatan pelaksanaan projek pembangunan. Buku ini merupakan kompilasi isu utama pelaksanaan dan punca kelewatan projek serta langkah penambahbaikan bagi mengatasi isu pelaksanaan projek. Buku ini melaporkan sebanyak 179 projek lewat disiapkan mengikut jadual atau 4.1% daripada jumlah projek fizikal sebanyak 4,325 projek pada tahun 2013. Pada tahun 2020, sebanyak 169 projek lewat disiapkan atau 3.9% daripada jumlah projek fizikal sebanyak 4,275 projek.
- ii. **Punca utama projek lewat disiapkan mengikut jadual adalah disebabkan oleh kontraktor iaitu sebanyak 53%**

pada tahun 2013 dan sebanyak 45% pada tahun 2020 daripada jumlah punca kelewatan projek. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PUNCA KELEWATAN PERINGKAT PELAKSANAAN TAHUN 2013 DAN 2020

BIL.	PUNCA KELEWATAN	PERATUS DARIPADA JUMLAH PUNCA KELEWATAN PROJEK (%)	
		TAHUN 2013	TAHUN 2020
1.	Kontraktor	53	45
2.	Perunding	3	2
3.	Kebenaran Merancang	4	7
4.	Penyedia Utiliti	6	6
5.	Kos Projek	2	6
6.	Sub-kontraktor	1	2
7.	Bekalan IBS	3	0
8.	Bahan Mentah	6	6
9.	Cuaca	8	3
10.	Covid-19	0	15
11.	Perubahan Kerja (VO)/ Perubahan rekabentuk dan spesifikasi teknikal	13	6

Sumber: Buku Merah Versi 2.0, EPU, JPM

- iii. Berdasarkan buku ini, kontraktor yang tidak kompeten menyebabkan projek lewat disiapkan dan kurang berkualiti serta kos projek meningkat kerana terpaksa menanggung penyelenggaraan dan melantik kontraktor penyelamat. Perkara ini menunjukkan **siri latihan kontraktor oleh CIDB kurang berkesan kerana lebih menitikberatkan elemen *awareness* berbanding meningkatkan kompetensi.**

Pendapat Audit

Objektif Program SCORE untuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan kontraktor serta menambah bilangan kontraktor yang berprofil tinggi dalam industri pembinaan belum tercapai kerana bilangan kontraktor yang diberi penarafan bintang hanya sebanyak 5.2% berbanding kontraktor berdaftar seramai 124,015 sehingga tahun 2022. Selain itu, objektif Program *Coaching* juga belum tercapai kerana hanya 76 (6.1%) kontraktor menunjukkan peningkatan SCORE selepas menghadiri program.


5.1.2.2. Peningkatan Kompetensi Tenaga Kerja kepada Industri Pembinaan

CIDB menawarkan latihan kepada semua peringkat personel binaan yang merangkumi kategori pekerja am, pekerja separa mahir, pekerja mahir, penyelia dan peringkat pengurusan. Program ini dijalankan oleh Pusat Latihan Bertauliah (PLB) yang telah dilantik melalui pentauliah oleh Bahagian Pentauliah dan Pemantauan Latihan (BPPL), CIDB. Program latihan ini bertujuan meningkatkan tahap kemahiran serta bilangan personel binaan tempatan yang bertauliah bagi memenuhi keperluan industri pembinaan tempatan.

a. Personel Binaan Tempatan dan Asing (Trend)

- i. Program MKKD merupakan program peningkatan kepakaran tenaga kerja bagi melahirkan lebih ramai personel binaan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan tenaga pekerja asing dalam industri pembinaan negara.
- ii. Merujuk statistik bilangan pekerja tempatan dan asing bagi tahun 2017 hingga 2022 menunjukkan kadar kebergantungan pekerja asing adalah di antara 13.7% hingga 20.1%. Analisis Audit **menunjukkan berlaku peningkatan seramai 73,649 (76.9%) pekerja asing daripada seramai 95,777 personel pada tahun 2017 kepada 169,426 personel pada tahun 2022.**
- iii. Analisis Audit juga mendapati personel binaan mahir bagi kategori pekerja mahir, penyelia tapak dan pengurus projek menunjukkan trend meningkat seramai 4,394 (103.8%) pekerja asing daripada seramai 4,233 personel pada tahun 2017 kepada 8,627 personel pada tahun 2022. Bagaimanapun, **personel binaan mahir tempatan menunjukkan trend menurun seramai 16,498 (7.9%) personel** daripada seramai 208,088 personel pada tahun 2017 kepada 191,590 personel pada tahun 2022. Trend ini boleh menjejaskan objektif melahirkan lebih ramai personel binaan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan tenaga pekerja asing. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 12**.

CARTA 12
PERSONEL BINAAN TEMPATAN DAN ASING BERDAFTAR
BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2022



Sumber: Laporan Tahunan 2017 Hingga 2021 dan 2022 Bahagian Dasar Personel Binaan, CIDB

b. Personel Binaan Berdaftar

- Berdasarkan Laporan Statistik Ekonomi Tahunan 2022 Pembinaan, bilangan pekerja dalam Sektor Pembinaan adalah seramai 1,190,159 orang pada tahun 2021 berbanding seramai 1,232,769 orang pada tahun 2020. Manakala data bilangan personel binaan berdaftar dalam Laporan Tahunan CIDB adalah seramai 769,351 orang pada tahun 2021 dan 818,410 orang pada tahun 2020. Semakan Audit mendapati **wujud perbezaan seramai 420,808 (35.4%) orang bagi tahun 2021 dan 414,359 (33.6%) orang bagi tahun 2020 di antara dua laporan tersebut.**
- Perbezaan tersebut disebabkan kategori pekerja bagi statistik DOSM melibatkan semua pekerja dalam industri pembinaan tanpa mengambil kira status pendaftaran dengan CIDB. Data CIDB adalah rendah berdasarkan personel binaan yang berdaftar dengan CIDB.


c. Pendaftaran Personel Binaan bagi Peserta Program

- Semakan Audit dijalankan terhadap data peserta program LKK dan PKK bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 serta PP bagi tahun 2021 dan 2022 berbanding data personel binaan yang berdaftar pada tahun 2022 untuk menilai keberhasilan program latihan dan penilaian kemahiran personel binaan. Status aktif pendaftaran personel binaan adalah personel binaan yang masih mempunyai tempoh sah pendaftaran. Manakala status tidak

aktif pendaftaran personel binaan adalah personel binaan yang tamat tempoh sah pendaftaran.

- ii. Semakan silang dilaksanakan terhadap 145,357 data peserta iaitu seramai 58,341 peserta LKK dan 83,460 peserta PKK yang lulus serta 3,556 peserta PP mendapati masing-masing seramai 29,064 (49.8%), 30,351 (36.4%) dan 2,884 (81.1%) peserta program berstatus aktif pendaftaran personel binaan pada tahun 2022. Analisis Audit mendapati **seramai 62,299 (42.9%) peserta berstatus aktif dan seramai 83,058 (57.1%) peserta berstatus tidak aktif pendaftaran personel binaan di dalam industri pembinaan pada tahun 2022.** Antara sebab peserta berstatus tidak aktif adalah kurang penguatkuasaan pendaftaran personel binaan, tidak memperbaharui pendaftaran dan tempoh sah pendaftaran yang tertera di atas kad pendaftaran personel binaan (kad hijau) mengelirukan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 13.**

CARTA 13
STATUS AKTIF DAN TIDAK AKTIF PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN
BAGI PESERTA PROGRAM PADA TAHUN 2022



Sumber: Data Peserta Program LKK dan PKK (2016-2022), PP (2021-2022) dan Data Pendaftaran Personel Binaan SMB & CIMS – CIDB


d. Peserta Program Latihan di Industri Pembinaan – Data PERKESO

- i. Analisis Audit terhadap data caruman PERKESO dilaksanakan untuk menilai status bekerja dan keberadaan peserta program di industri pembinaan serta julat pendapatan peserta. Semakan Audit dilaksanakan terhadap data peserta tempatan yang menyertai program latihan dan penilaian kompetensi kemahiran bagi tempoh 2016 hingga 2022 berbanding data caruman PERKESO bagi tempoh Januari hingga Julai 2023. Analisis Audit

terhadap seramai 139,454 data peserta mendapati **hanya seramai 72,787 (52.2%) peserta telah mencarum PERKESO** dan 55,625 (39.9%) peserta tidak mencarum pada tempoh tersebut. Manakala seramai 11,042 (7.9%) peserta tiada rekod dalam data caruman PERKESO.

- ii. Analisis lanjut terhadap data peserta program yang mencarum mendapati **hanya seramai 18,618 (25.6%) peserta berada dalam industri pembinaan**. Manakala peserta di industri pembuatan, aktiviti perkhidmatan lain, profesional, saintifik dan teknikal serta pentadbiran awam dan pertahanan masing-masing seramai 12,163 (16.7%), 7,545 (10.4%), 6,837 (9.4%) dan 6,410 (8.8%) peserta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 14**.

CARTA 14
PESERTA PROGRAM LATIHAN DAN PENILAIAN MENGIKUT INDUSTRI
BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA JULAI 2023



Sumber: Data Peserta Program LKK, PKK dan PP CIDB dan Data Caruman PERKESO

- iii. Analisis Audit terhadap peserta program dalam industri pembinaan mendapati seramai 2,172 (31.6%) peserta LKK, 3,293 (31.8%) peserta PKK dan 832 (60.2%) peserta PP menerima julat pendapatan bulanan RM4,001 dan ke atas. Median pendapatan bagi peserta program dalam industri pembinaan adalah sejumlah RM2,973. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
JULAT PENDAPATAN PESERTA PROGRAM DALAM INDUSTRI PEMBINAAN PADA TAHUN 2023

JULAT PENDAPATAN (RM)	PESERTA PROGRAM (%)					
	LKK		PKK	PP	JUMLAH	KEKERAPAN TERKUMPUL (CF)
	BELIA	PERSONEL				
≤1,000	60 (8.5%)	407 (6.6%)	667 (6.4%)	19 (1.4%)	1,153 (6.2%)	1,153
1,001 – 2,000	277 (39.1%)	1,588 (25.8%)	2,723 (26.3%)	91 (6.6%)	4,679 (25.1%)	5,832 ^[cf]
^[l] 2,001 – 3,000	165 (23.3%)	1,130 (18.3%)	2,076 (20.0%)	201 (14.5%)	3,572 (19.2%) ^[f]	9,404
3,001 – 4,000	98 (13.8%)	973 (15.8%)	1,606 (15.5%)	240 (17.4%)	2,917 (15.7%)	12,321
≥4,001	108 (15.3%)	2,064 (33.5%)	3,293 (31.8%)	832 (60.2%)	6,297 (33.8%)	18,618 ^[n]
JUMLAH	708	6,162	10,365	1,383	18,618	

Nota: 1. Tertinggi
2. h = saiz kelas iaitu sempadan atas tolak sempadan bawah
3. Median pendapatan peserta = $[l + ((n/2) - cf)/f]h$

Median pendapatan peserta
= $[RM2,001 + ((18,618 / 2) - 5,832) / 3,572] \times 999$
= RM2,973

Sumber: Data Peserta Program LKK, PKK dan PP CIDB dan Data Caruman PERKESO

Pendapat Audit | **Objektif meningkatkan tahap kemahiran dan bilangan personel binaan tempatan yang bertaualiah belum tercapai kerana personel binaan yang aktif dan berada di industri pembinaan masih rendah. Selain itu, objektif program bagi mengurangkan kebergantungan tenaga pekerja asing dalam industri pembinaan negara belum tercapai kerana bilangan personel binaan asing menunjukkan trend meningkat.**

e. *Tracer Study* Program LKK Belia Oleh CIDBH

- i. Berdasarkan National Graduate Employability (NGE) Blueprint 2012-2017, kebolehpasaran bermaksud keupayaan untuk dipasarkan di dalam industri iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian.
- ii. Berdasarkan Prospektus Latihan Kompetensi Kemahiran Pembinaan CIDB cetakan Februari 2018, program ini bermatlamat untuk menggalakkan penyertaan tenaga kerja tempatan baharu yang kompeten dan terlatih ke dalam industri pembinaan bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja tempatan dalam industri pembinaan negara.
- iii. CIDBH sebagai penyelaras dan pengurus pelaksanaan program LKK Belia dan Personel Binaan dari tahun 2016 hingga 2022 telah menyediakan laporan pelaksanaan *Tracer Study* bagi graduan-graduan ABM dan Syarikat 284731-P yang telah lulus sesi latihan dan penilaian LKK Belia.

- iv. Laporan *Tracer Study* yang dikeluarkan oleh pihak CIDBH adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
LAPORAN TRACER STUDY OLEH CIDBH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022

BUTIRAN	BILANGAN RESPONDEN/TAHUN							JUMLAH
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Bekerja Dalam Sektor	3,736	3,150	2,562	2,920	1,081	957	378	14,784 (67.8%)
Bekerja Luar Sektor	702	812	497	504	217	472	104	3,308 (15.2%)
Sambung Belajar	599	235	223	161	153	431	55	1,857 (8.5%)
Belum Bekerja	383	416	155	199	200	396	109	1,858 (8.5%)
BILANGAN RESPONDEN	5,420	4,613	3,437	3,784	1,651	2,256	646	21,807

Sumber: CIDBH


Nota: *Tracer Study* dijalankan terhadap graduan LKK Belia yang lulus selepas enam bulan tamat latihan. Data yang dikumpul secara rawak dan tiada penetapan bilangan responden. Responden tahun 2022 rendah kerana bilangan pelatih yang hadir ke Majlis Graduasi terhad.

- v. Penilaian keberhasilan program LKK Belia berdasarkan kebolehpasaran bilangan graduan yang bekerja dalam sektor selari dengan objektif program iaitu melahirkan tenaga kerja tempatan baharu yang kompeten dan terlatih ke dalam industri pembinaan. Analisis terhadap Laporan *Tracer Study* program LKK Belia **bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati hanya seramai 14,784 (67.8%) graduan tamat latihan telah berada dalam sektor pembinaan.**

f. Kajian Soal Selidik Terhadap Program LKK, PKK dan PP oleh JAN

- i. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik secara e-mel bagi tempoh 13 Jun hingga 16 Julai 2023 kepada seramai 5,927 peserta program LKK, PKK dan PP bagi tahun 2021 dan 2022. Seramai 430 responden telah memberi maklum balas melibatkan seramai 345 (80.2%) yang bekerja dan 85 (19.8%) tidak bekerja. Hasil analisis terhadap **345 responden yang bekerja mendapati seramai 281 (81.4%) bekerja di dalam industri pembinaan dan 64 (18.6%) bekerja di luar industri.** Butiran lanjut responden adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
MAKLUMAT RESPONDEN PROGRAM LKK, PKK DAN PP



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: LKK – Latihan Kompetensi Kemahiran; PKK – Penilaian Kompetensi Kemahiran; PP – Penyeliaan dan Pengurusan

- ii. Soal selidik yang diedarkan merangkumi kualiti program, kualiti tenaga pengajar, fasiliti, alat bantu pengajaran dan pembelajaran serta kehendak industri, membantu mendapatkan pekerjaan dan kemudahan yang disediakan. Analisis deskriptif menunjukkan peserta bersetuju bahawa program yang disertai telah memberi impak positif dan baik dengan skor sebanyak 92.6% melibatkan 398 responden. Analisis persepsi responden menunjukkan hasil yang neutral terhadap industri pembinaan (elemen 4D) iaitu seramai 227 (52.8%) responden. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4
MAKLUM BALAS PROGRAM DAN PERSEPSI RESPONDEN TERHADAP INDUSTRI PEMBINAAN

PERKARA			
 Maklum Balas Program Maklum balas program - kualiti program, pengajar, fasiliti, peralatan pengajaran dan pembelajaran, bersesuaian dengan pekerjaan, membantu mendapatkan pekerjaan, mengikut kehendak industri pembinaan serta pusat latihan dan asrama.	398 (92.6%)	30 (7.0%)	2 (0.5%)
 Persepsi Tentang Industri Pembinaan Elemen 4D (kotor, berbahaya, sukar, dan merendahkan martabat)	55 (12.8%)	227 (52.8%)	148 (34.4%)
Nota:  Setuju Memberi impak positif dan baik	 Neutral	 Tidak Setuju Memberi impak negatif dan tidak baik	

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis terhadap responden yang bekerja di industri pembinaan mendapati seramai 33 (23.7%) responden LKK, 25 (30.1%) responden PKK dan 34 (57.6%) responden PP masing-masing menerima julat pendapatan kasar antara RM1,501-RM2,000, RM2,001-RM3,000 dan melebihi RM4,001. Secara keseluruhannya, median pendapatan peserta program adalah sejumlah RM2,742. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 5**.

RAJAH 5
JULAT PENDAPATAN RESPONDEN BEKERJA MENGIKUT PROGRAM

JULAT PENDAPATAN	PROGRAM				KEKERAPAN TERKUMPUL (CF)
	LKK	PKK	PP	JUMLAH	
≤ RM1,500	31 (22.3%)	11 (13.3%)	0 (0.0%)	42 (14.9%)	42
RM1,501-RM2,000	33 (23.7%)	17 (20.5%)	1 (1.7%)	51 (18.1%)	93 ^[cf]
^[l] RM2,001-RM3,000	29 (20.9%)	25 (30.1%)	10 (16.9%)	64 (22.8%) ^[f]	157
RM3,001-RM4,000	27 (19.4%)	12 (14.5%)	14 (23.7%)	53 (18.9%)	210
≥ RM4,001	19 (13.7%)	18 (21.7%)	34 (57.6%)	71 (25.3%)	281 ^[n]
JUMLAH	139	83	59	281	

Nota: 1. Tertinggi

2. h = saiz kelas iaitu sempadan atas tolak sempadan bawah

3. Median pendapatan peserta = $[l + ((n/2) - cf)/f]h$

Median pendapatan peserta
 $= [RM2,001 + ((281/2) - 93)/64] \times RM999$
 $= RM2,742$

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Analisis lanjut terhadap bidang pekerjaan tertinggi diceburi bagi responden yang bekerja dalam industri pembinaan mendapati seramai 34 (24.5%) responden LKK, 20 (24.1%) responden PKK dan 44 (74.6%) responden PP masing-masing menceburi bidang mekanikal dan elektrik, pengurus projek pembinaan dan penyelia tapak pembinaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
BIDANG PEKERJAAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN MENGIKUT PROGRAM

BIDANG PEKERJAAN DI INDUSTRI PEMBINAAN	LKK	PKK	PP	JUMLAH
Mekanikal dan Elektrikal	34 (24.5%)	8 (9.6%)	2 (3.4%)	44
Operasi Kren	28 (20.1%)	1 (1.2%)	0 (0.0%)	29
Bangunan	14 (10.1%)	15 (18.1%)	0 (0.0%)	29
Pengurusan Projek Pembinaan	7 (5.0%)	20 (24.1%)	10 (16.9%)	37
Kimpalan	18 (12.9%)	6 (7.2%)	1 (1.7%)	25
Kerja Awam	9 (6.5%)	14 (16.9%)	0 (0.0%)	23
Penyelia Tapak Pembinaan	10 (7.2%)	8 (9.6%)	44 (74.6%)	62
Operasi Jentera	10 (7.2%)	3 (3.6%)	0 (0.0%)	13
Pentadbiran	6 (4.3%)	6 (7.2%)	2 (3.4%)	14
Industrial Building System (IBS)	2 (1.4%)	2 (2.4%)	0 (0.0%)	4
Non Destructive Testing (NDT)	1 (0.7%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1
JUMLAH RESPONDEN	139	83	59	281

Sumber: Jabatan Audit Negara


**Pendapat
Audit**

Peserta program bersetuju bahawa program latihan yang disertai adalah baik dan memberi impak positif dalam mendapatkan pekerjaan. Selain itu, pendapatan peserta yang bekerja di dalam industri pembinaan adalah memuaskan dengan median pendapatan sejumlah RM2,742.

5.1.2.3. Daya Saing Industri Pembinaan di Peringkat Global

- a. Pencapaian keberhasilan program dinilai berdasarkan pencapaian objektif dan pencapaian syarikat Malaysia mendapat projek di luar negara. KKR dan CIDB telah menetapkan objektif program iaitu meningkatkan jaringan peluang penglibatan syarikat berkaitan pembinaan di peringkat antarabangsa.
- b. Semakan Audit mendapati **CIDB tidak menetapkan indikator bagi mengukur pencapaian objektif terhadap program tersebut.** Berdasarkan Proses Kerja bagi pengurusan program menetapkan keperluan penyediaan Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Program. Semakan Audit mendapati **Bahagian Bisnes, CIDB tidak menyediakan Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Program bagi menilai keberhasilan setiap program yang dilaksanakan.**
- c. Berdasarkan Laporan Tahunan CIDB, sebanyak 235 projek diaward kepada 81 syarikat Malaysia di 92 negara berjumlah RM78.9 bilion bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Semakan Audit mendapati **laporan tersebut direkodkan berdasarkan semakan CIDB melalui media masa, Bursa Malaysia dan maklum balas industri dari sesi perbincangan.** Bagaimanapun, laporan tersebut tidak dapat dikaitkan sebagai pencapaian keberhasilan bagi setiap program yang dijalankan oleh CIDB. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 15.**

CARTA 15
PROJEK YANG DIAWARD KEPADA SYARIKAT MALAYSIA DI PASARAN
LUAR NEGARA MENGIKUT TAHUN 2016 HINGGA 2022



Sumber: Laporan Tahunan CIDB

Maklum balas CIDB yang diterima pada 9 Ogos 2023

Mulai pada tahun 2021, pihak CIDB telah membuat penambahbaikan terhadap penyediaan Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Program.

Pendapat Audit | Pencapaian objektif bagi program yang dilaksanakan oleh CIDB tidak dapat diukur kerana ketiadaan indikator yang jelas dan laporan pelaksanaan program tidak disediakan.

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan

CIDB telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM165.53 juta kepada CIDBH, ABM dan Syarikat 284731-P untuk menjalankan program latihan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022. Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, sejumlah RM159.60 juta (96.4%) telah dibelanjakan bagi tujuan program latihan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM LATIHAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2022

TAHUN	PERUNTUKAN		PERBELANJAAN	
	CIDBH (RM Juta)	ABM/Syarikat 284731-P (RM Juta)	CIDBH (RM Juta)	ABM/Syarikat 284731-P (RM Juta)
2018	0.84	23.44	0.84	22.78
2019	0.69	47.84	0.69	45.71
2020	0.49	27.97	0.47	25.96
2021	0.51	33.81	0.52	32.97
2022	0.58	29.36	0.57	29.09
JUMLAH	3.11	162.42	3.09	156.51
	165.53		159.60	

Sumber: Bahagian Kewangan CIDBH; Laporan Pemantauan Geran, Bahagian Subsidiari CIDBH

Nota: Tiada Maklumat Bagi Peruntukan dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2016 dan 2017

5.2.2. Peralatan Latihan

- i. Berdasarkan Surat Setuju Terima Tender yang dikeluarkan oleh CIDBH bertarikh 20 September 2017 kepada syarikat 1629937-P untuk membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyenggara (dalam tempoh jaminan) melibatkan peralatan Latihan Industri Pembinaan. Peralatan yang dibekalkan ke ABM Wilayah Utara, Wilayah Timur, Wilayah Sarawak dan Wilayah Sabah – Sandakan dan Kota Kinabalu *Industrial Park* melibatkan peralatan mekanikal iaitu *Air Conditioning and Mechanical Ventilation (ACMV)* dengan nilai kontrak berjumlah RM5.43 juta.
- ii. Berdasarkan lampiran Jadual Harga, syarikat kontraktor perlu membekal kepada ABM Wilayah Tengah bagi kelengkapan kursus ACMV berjumlah RM2.14 juta.
- iii. Pemeriksaan Audit pada 30 Mei dan 21 September 2023 di Jabatan Mekanikal ABM Wilayah Tengah mendapati peralatan kelengkapan latihan ACMV telah diuji dan berfungsi. Bagaimanapun, **sebahagian peralatan kelengkapan latihan ACMV Industrial - Plumbing dan Ducting berjumlah RM922,350 tidak digunakan sejak penerimaannya pada bulan Oktober 2018.** Perkara ini disebabkan kurangnya permintaan terhadap tred ACMV *Industrial - Plumbing* dan *Ducting* serta ketiadaan perakuan pentauliah tred tersebut di ABM Wilayah Tengah. Antara peralatan kelengkapan latihan yang tidak digunakan adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1



ABM Wilayah Tengah
Electric Tube Cleaning Machine
Tidak Digunakan Sejak Penerimaan Tahun 2018
Sehingga Lawatan Audit
(30.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



ABM Wilayah Tengah
Cooling Tower
Tidak Digunakan Sejak Penerimaan Tahun 2018
(30.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



ABM Wilayah Tengah
FCU Unit & Microprocessor Control Panel
Tidak Digunakan Sejak Penerimaan Tahun 2018
(21.09.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



ABM Wilayah Tengah
Sheet Metal Rolling Machine
Tidak Digunakan Sejak Penerimaan Tahun 2018
(30.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas CIDBH yang diterima pada 4 Ogos dan 15 September 2023

Program latihan untuk ACMV Alam Sekitar dan ACMV *Maintenance* telah dijalankan. Manakala latihan ACMV *Piping* dan *Ducting* gagal dijalankan kerana kurangnya permintaan untuk bidang latihan ducting dan piping ACMV SKKP walaupun NOSS (tahun 2006 – 2012), Modul Latihan (tahun 2020) dan Modul *E-learning* (tahun 2021) telah dibangunkan. ABM Wilayah Tengah akan meningkatkan promosi bidang latihan ini kepada golongan sasaran.

Pendapat Audit	Peralatan kelengkapan latihan ACMV <i>Industrial – Plumbing</i> dan <i>Ducting</i> berjumlah RM922,350 tidak digunakan sejak penerimaan pada bulan Oktober 2018 merupakan pembaziran dan merugikan kerajaan.
---------------------------	---

5.2.3. Pelanggaran Syarat Tajaan Program

- a. Merujuk polisi tajaan pelatih program latihan kemahiran belia dan personel binaan (CIDB/LK/POL.TJN/ABM/PLB-2008) tahun 2008, ABM perlu memastikan yuran latihan yang dituntut adalah mengikut kadar yang ditetapkan serta mendapat kelulusan CIDB. Sekiranya tuntutan yang dikemukakan oleh ABM tidak mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh CIDB, termasuk berlakunya sebarang kecuai dan penipuan yang menimbulkan kemusykilan, CIDB berhak mengambil tindakan tatatertib. Berdasarkan Prospektus LKK Tahun 2018 dan Carta Alir Proses Permohonan LKK menetapkan syarat tajaan yuran serta kelayakan umur bagi Program LKK Belia adalah warganegara Malaysia berusia antara 17 hingga 35 tahun manakala bagi LKK Personel Binaan adalah antara 18 hingga 55 tahun.
- b. Semakan Audit terhadap data Daftar Peserta di CIMS bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 mendapati seramai 467 peserta iaitu 39 peserta Program LKK Belia dan 428 peserta Program LKK Personel Binaan tidak mematuhi syarat kelayakan had umur yang ditetapkan. Pengesahan telah dilaksanakan terhadap data peserta tersebut bagi menentukan jumlah tuntutan tajaan yuran telah dibuat oleh empat ABM yang dilawati iaitu ABM Wilayah Selatan, Tengah, Utara dan Sabah. Semakan Audit selanjutnya mendapati **seorang peserta Program LKK Belia dan 52 peserta Program LKK Personel Binaan berumur antara 46 hingga 66 tahun yang tidak layak menerima tajaan yuran sejumlah RM52,985.50 telah dituntut oleh ABM Wilayah Sabah dan ABM Wilayah Selatan**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
BILANGAN PESERTA LKK BELIA DAN PERSONEL
MENERIMA TAJAAN MELEBIHI SYARAT HAD UMUR

PROGRAM/ABM	BILANGAN PESERTA	JUMLAH (RM)
LKK BELIA		
ABM Wilayah Sabah (Berumur 46 tahun)	1	5,205.00
LKK PERSONEL BINAAN		
ABM Wilayah Selatan (Berumur 56 hingga 66 tahun)	51	47,030.50
ABM Wilayah Sabah (Berumur 57 tahun)	1	750.00
JUMLAH	53	52,985.50

Sumber: Bahagian Kewangan ABM Wilayah Selatan dan ABM Wilayah Sabah

Maklum balas CIDBH yang diterima pada 15 Ogos dan 23 Ogos 2023

Maklumat peserta tiada dalam rekod ABM Wilayah Sabah dan rekod fail di CIDB juga telah dibuat pelupusan. Bagi tempoh 2017 hingga 2020, permohonan bagi LKK Personel Binaan telah dibuat secara manual dan terbuka kepada semua kategori

pemegang kad hijau CIDB kerana tiada lagi integrasi sistem maklumat bagi tujuan kelayakan tajaan. Pihak ABM Wilayah Selatan akur akan kekhilafan ini, namun semua yang tersenarai adalah warganegara Malaysia dan memerlukan peningkatan kemahiran bagi meningkatkan ekonomi keluarga dan pembangunan negara. Bagaimanapun, pihak kami telah mengemukakan surat kepada Ketua Eksekutif CIDB Malaysia bagi mendapatkan kelulusan penajaan bagi semua penama di atas pada 22 Ogos 2023.

Pendapat Audit | Pembayaran tidak teratur bagi tuntutan tajaan tidak layak oleh ABM Wilayah Selatan dan ABM Wilayah Sabah menyebabkan ketirisan sejumlah RM52,985.50.

5.2.4. Pemantauan Peringkat KKR

- a. Berdasarkan kepada Perenggan 4.3.1 Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 2 Tahun 2021, Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam bertarikh 17 September 2021 menyatakan bahawa Agensi perlu membuat pemantauan secara berkala dan mengukur prestasi program dalam pelan tindakan yang dirangka bagi memastikan semua program dirancang berjaya dilaksanakan dan mencapai sasaran ditetapkan. Pemantauan program mengandungi tiga elemen utama adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
ELEMEN UTAMA DALAM PEMANTAUAN PROGRAM

ELEMEN UTAMA	KETERANGAN
Mekanisme pemantauan dan pengukuran	Agensi disarankan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Pelan Strategik yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik di peringkat sektor/bahagian atau menggunakan jawatankuasa sedia ada untuk memantau pelaksanaan. Selain itu, pemantauan program boleh dilaksanakan melalui lawatan tapak, mendapatkan maklum balas melalui e-mel atau sistem dalam talian seperti sistem MyPrestasi.
Laporan Pemantauan dan Pencapaian	Agensi boleh menggunakan mesyuarat jawatankuasa untuk membentangkan laporan pemantauan dan pencapaian yang dilaksanakan secara berkala dan berterusan.
Kajian Keberkesanan	Semakan semula proses kerja sedia ada, kajian impak program utama atau kajian struktur organisasi.

Sumber: Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 2 Tahun 2021

- b. Mesyuarat Pencapaian Kemajuan PSO KKR (Tahun 2016-2018) atau Mesyuarat Kajian Semula PSO KKR (Tahun 2018-2019) atau Mesyuarat Pencapaian Prestasi PSO KKR (Tahun 2020-2022) dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKR diwujudkan untuk membincangkan pencapaian pelan tindakan PSO; cadangan pelan tindakan untuk penambahbaikan dan digugurkan.
- c. Merujuk Minit Mesyuarat Pencapaian Kemajuan PSO KKR 2016-2020, bertarikh 13 Mac 2017 menyatakan bahawa laporan pencapaian dijana melalui Sistem MyPrestasi yang mengambil data secara kumulatif. Seterusnya, merujuk Minit

Mesyuarat Pencapaian Kemajuan PSO KKR 2016-2020 bertarikh 12 Mac 2018 menyatakan pihak MAMPU akan membangunkan sistem MyPrestasi 2.0 melibatkan pengguna di KKR dan agensi bagi memudahkan pemantauan. Merujuk Minit Mesyuarat Pencapaian Kemajuan PSO KKR 2016-2020 bertarikh 12 Mac 2018 memaklumkan bahawa Bahagian Perancangan Korporat KKR bersama Bahagian Pengurusan Maklumat KKR membangunkan Sistem Pelan Strategik Organisasi KKR (MyPSO). Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **pihak KKR dan agensi tidak menggunakan sebarang sistem untuk pemantauan program sejak tahun 2017.**

- d. Pada tahun 2020, pihak KKR dan agensi telah mengadakan Bengkel Kajian Semula PSO KKR 2016-2020. Semakan Audit mendapati pihak KKR tidak melaksanakan kajian keberkesanan program berkaitan pembangunan kontraktor dan daya saing industri pembinaan di peringkat global meliputi pencapaian objektif bagi setiap pelan tindakan dan semakan semula sasaran bagi PSO seterusnya. Pemantauan di peringkat KKR adalah kurang memuaskan kerana ketiadaan mekanisme pemantauan dan pengukuran yang berkesan dilaksanakan.

Maklum balas KKR yang diterima pada 15 Ogos dan 29 September 2023

KKR tidak menggunakan sistem MyPrestasi yang dibangunkan oleh MAMPU bermula bulan Februari 2018 setelah kontrak di antara MAMPU dan penyedia perkhidmatan sistem tamat. KKR juga tidak menggunakan sistem MyPrestasi 2.0. Sistem MyPSO masih belum dapat digunakan sepenuhnya memandangkan terdapat penambahbaikan yang perlu dibuat bagi memenuhi kehendak pelaporan semasa mesyuarat. KKR menjadualkan untuk mengguna pakai Sistem MyPSO selepas pertengahan tahun 2024.

KKR telah merancang untuk melaksanakan Bengkel Kajian Separuh Penggal PSO KKR 2021-2025 pada 25 hingga 27 Oktober 2023 bersama semua pemilik pelan tindakan, bertujuan memantau dan mengukur prestasi pelan tindakan, seterusnya mengenal pasti penambahbaikan berterusan yang perlu diambil agar output serta keberhasilan semua pelan tindakan kekal relevan dengan misi dan visi KKR. KKR juga akan melihat semula dan menambahbaik kaedah pelaporan dan pemantauan pelan tindakan sedia ada. Laporan akan disediakan pada bulan November 2023.

Pendapat Audit | Pemantauan di peringkat KKR adalah sangat penting bagi memastikan pengukuran prestasi program dilaksanakan dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

5.2.5. Penguatkuasaan Terhadap Personel Binaan

- a. Menurut Akta 520, CIDB bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan, kualiti dan keselamatan dalam industri pembinaan yang melibatkan peningkatan kualiti pembinaan melalui pendaftaran kontraktor, personel binaan, pemerakuan kemahiran dan kompetensi. Berdasarkan Bahagian IX, Penguatkuasaan dan Penyiasatan [Akta 520] menerangkan kuasa dan prosedur CIDB untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap premis atau tapak pembinaan kontraktor syarikat pembinaan. Manual Prosedur Kerja Penguatkuasaan menerangkan tugas penguatkuasaan adalah merangkumi lima skop iaitu kontraktor, levi, bahan binaan, personel binaan dan akreditasi bagi Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK). Analisis Audit dijalankan terhadap data penguatkuasaan melibatkan skop penguatkuasaan dan jenis kesalahan yang diambil tindakan oleh empat Bahagian Penguatkuasaan Negeri iaitu Johor, Selangor, Kedah dan Sabah bagi tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
SKOP PENGUATKUASAAN MENGIKUT JENIS KESALAHAN
DAN NEGERI YANG DILAWATI AUDIT

SKOP PENGUATKUASAAN	JENIS KESALAHAN	NEGERI				JUMLAH
		JOHOR	SELANGOR	KEDAH	SABAH	
		(BILANGAN KESALAHAN)				
Kontraktor	i. Tidak Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor ii. Gagal Mengistiharkan Projek	164 (26.1%)	369 (58%)	161 (50.5%)	140 (64%)	834 (46.2%)
Levi	Gagal Mengisytihar, dan Membayar dan Menzahirkan Levi	274 (43.6%)	23 (3.6%)	19 (6%)	7 (3.2%)	323 (17.9%)
Bahan Binaan	Bahan Binaan	-	-	-	-	-
Personel Binaan	Personel Binaan Tidak berdaftar	10 (1.6%)	50 (7.8%)	38 (11.9%)	27 (12.3%)	125 (6.9%)
Akreditasi	Pekerja Binaan Mahir/ Penyelia Tapak Tidak Akredit	170 (27%)	177 (27.8%)	91 (28.5%)	45 (20.5%)	483 (26.8%)
Lain-Lain	i. Gagal Mematuhi Notis ii. Kesalahan Kewajipan iii. Tidak Mempunyai PPS Yang Sah	11 (1.7%)	18 (2.8%)	10 (3.1%)	-	39 (2.2%)
JUMLAH		629	637	319	219	1,804


Sumber: CIMS

- b. Analisis Audit terhadap skop penguatkuasaan mendapati jenis kesalahan tertinggi adalah skop kontraktor iaitu sebanyak 46.2% dan diikuti oleh skop akreditasi iaitu sebanyak 26.8%. **Skop penguatkuasaan yang rendah adalah melibatkan skop personel binaan iaitu sebanyak 6.9% di mana**

boleh menjejaskan objektif program untuk meningkatkan bilangan personal industri pembinaan tempatan yang bertauliah.

- c. Berdasarkan penetapan sasaran oleh Bahagian Penilaian dan Pensijilan (BPP) CIDB, setiap CIDB negeri perlu mendapatkan peserta untuk ditauliahkan melalui Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK). Semakan Audit terhadap empat CIDB negeri mendapati hanya CIDB Negeri Kedah mencapai sasaran bagi tahun 2021. Bagaimanapun, **sasaran peserta Program PKK bagi tiga negeri iaitu Selangor, Johor dan Sabah tidak tercapai bagi tahun 2021 dan kesemua empat negeri tidak mencapai sasaran bagi tahun 2022.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 16.**

CARTA 16
PENURUNAN SASARAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM PKK
BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2022



Sumber: BPP CIDB

- d. Sasaran peserta Program PKK tidak tercapai antaranya disebabkan oleh kapasiti anggota penguatkuasaan, taburan projek setiap negeri berbeza dan kekurangan bilangan latihan serta keupayaan penilaian akreditasi personel binaan di ABM.

e. Lawatan Penguatkuasaan

- i. Lawatan Audit telah dilaksanakan di dua tapak pembinaan iaitu di Penampang, Sabah dan Cyberjaya, Selangor masing-masing pada 17 Mei 2023 dan 22 Jun 2023 bersama pihak Bahagian Penguatkuasaan, CIDB Negeri Sabah dan Selangor.

kontraktor syarikat pembinaan semasa penguatkuasaan mendapati perkara seperti berikut:

- Tapak pembinaan, Penampang Sabah
Seramai 123 personel binaan bekerja di tapak tersebut. Hanya seramai 10 (8.1%) personel berstatus pekerja mahir manakala dua (1.6%) personel memiliki status pekerja am. Bagaimanapun, Pengurus Tapak dan Penyelia Tapak di tapak pembinaan tersebut tidak diakreditasi dan seramai 111 pekerja (90.3%) tidak berdaftar.
- Tapak pembinaan Cyberjaya, Selangor
Seramai 153 personel binaan bekerja di tapak tersebut. Seramai 37 (24.2%) personel memiliki status pekerja mahir, manakala seramai 116 (75.8%) personel tidak berdaftar dengan CIDB. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 30**.

JADUAL 30
PERSONEL BINAAN DI TAPAK PEMBINAAN

PENGUATKUASAAN DI PENAMPANG, SABAH PADA 17 MEI 2023	NAMA PROJEK	PERSONEL BILANGAN		
		JUMLAH	BERDAFTAR	TIDAK BERDAFTAR
	Projek pembangunan bercampur hotel, komersial dan residen	123	Pekerja Am – 2 (1.6%) Pekerja Mahir – 10 (8.1%)	111 (90.3%)
PENGUATKUASAAN DI CYBERJAYA, SELANGOR PADA 22 JUN 2023	Projek pembangunan kedai pejabat bertingkat dan tempat letak kereta	153	Pekerja Mahir – 37 (24.2%)	116 (75.8%)

Sumber: Laporan OPK CIDB Negeri Sabah Bil.2/2023 dan Laporan OPK/OPB Negeri Selangor

- iii. Berdasarkan lawatan tersebut, personel binaan yang tidak berdaftar adalah tinggi iaitu sebanyak 90.3% dan 75.8% daripada bilangan pekerja di tapak pembinaan.

Maklum balas CIDB yang diterima pada 15 Ogos 2023

Penambahbaikan terhadap strategi penguatkuasaan khusus kepada pemeriksaan terhadap skop akreditasi dan personel binaan sedang dipertingkatkan.

Pendapat Audit | **Penguatkuasaan di tapak binaan terhadap skop personel binaan adalah kurang memuaskan kerana bilangan personel binaan yang berdaftar dan ditauliahkan masih rendah.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi output program tercapai bagi strategi berkaitan daya saing industri pembinaan di peringkat global. Bagaimanapun, prestasi output program bagi strategi berkaitan pembangunan kontraktor dan kompetensi tenaga kerja dalam industri pembinaan belum tercapai sepenuhnya. Prestasi keberhasilan program juga belum tercapai sepenuhnya kerana bilangan kontraktor yang berprofil tinggi adalah kecil serta personel binaan tempatan yang bertauliah dan berada di industri pembinaan masih rendah. Pengurusan program kurang memuaskan kerana peralatan latihan yang tidak digunakan sejak penerimaan dan pemberian tajaan kepada peserta program yang tidak layak. Selain itu, penguatkuasaan terhadap skop personel binaan dan akreditasi juga rendah yang boleh menjejaskan objektif program untuk meningkatkan bilangan personel binaan tempatan yang bertauliah serta mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing dalam industri pembinaan.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat ditambah baik dalam pelaksanaan program, adalah disyorkan pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

7.1. KKR dan CIDB hendaklah menilai dan mengkaji semula supaya memberi fokus kepada strategi untuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan kontraktor terutamanya penilaian SCORE untuk lebih berdaya saing dalam dan luar negara;

7.2. KKR, CIDB dan CIDBH hendaklah menilai dan mengkaji semula strategi untuk meningkatkan kompetensi personel binaan tempatan melalui akreditasi dengan mengambil kira peningkatan tahap kemahiran, kebolehpasaran dan kehendak industri supaya pendapatan adalah munasabah, seterusnya personel yang dilatih kekal dalam industri pembinaan; dan

7.3. KKR dan CIDB hendaklah memberi tumpuan terhadap usaha penambahbaikan mekanisme pemantauan, penguatkuasaan, pelaporan data kontraktor/personel binaan dan penilaian keberhasilan program agar dapat mencapai matlamat yang disasarkan.